


Jilid I
Bil. 56



Hari Selasa
4hb November, 1975

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
6417]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan
6444]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—

Menimbang Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) [Ruangan 6444]

Hilang Kelayakan. Jadi Ahli Parlimen—Y.B. Encik Fan Yew Teng Dirojok kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan [Ruangan 6445]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 6447]

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) [Ruangan 6495]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 4hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

Yang Berhormat RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, s.p.m.j. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam perjalanan, ada traffic jam agaknya. Jadi saya minta Yang Berhormat Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar mengemukakan pertanyaan No. 2 dahulu.

KILANG NENAS KEBANGSAAN DI PULAI SEBATANG

2. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

- (a) samada beliau sedar banyak terdapat sungutan-sungutan dan rasa tidak puas-hati orang ramai terutamanya penduduk-penduduk tempatan terhadap kelemahan pentadbiran Kilang Nenas Kebangsaan Kedua di Pulau Sebatang, Pontian, Johor;
- (b) jika sedar apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi keadaan ini; dan
- (c) apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh kilang itu terutamanya dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan penanam-penanam nenas di sekeliling kawasan itu dan ekonomi negara seluruhnya.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar tentang adanya sungutan-sungutan dan rasa tidak puas-hati terutama penduduk-penduduk tempatan terhadap Kilang Nenas Kebangsaan (P.C.M.) di Pulau Sebatang. Kilang ini sebenarnya tidak mengalami kelemahan pentadbiran tetapi ada beberapa masaalah yang dihadapinya yang telahpun dikesan dan beberapa langkah pembaikan sedang dilaksanakan. Di antara masaalah-masaalah yang dihadapinya ialah masaalah-masaalah kemerosotan ekonomi, pengeluaran dan kenaikan kos operasi akibat kekurangan kegunaan keupayaan kilang disebabkan oleh berkurangnya bekalan nenas

yang boleh ditinkan daripada pekebun-pekebun kecil diakhir-akhir ini. Di akhir-akhir ini bekalan nenas daripada pekebun-pekebun kecil telah merosot daripada 205,652 tan di dalam tahun 1970 kepada 132,815 tan dalam tahun 1974, manakala keupayaan kedua-dua kilang P.C.M. ialah sebanyak 230,000 tan di dalam setahun. Ini telah menyebabkan perjalanan kilang di Pulau Sebatang tidak ekonomik.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh FIMA untuk memperbaiki kedudukan kilang di Pulau Sebatang ialah mencari kegunaan lain selain daripada memproses nenas seperti mengetin buah-buahan lain dan air buah-buahan. Pihak FIMA juga sedang berunding dengan firma-firma terkemuka untuk membaiki lagi kegunaan kilang ini. FIMA juga telah membuka ladang-ladang buah-buahan di Johor dan dijangka pada tahun hadapan bekalan buah-buahan papaya dan pisang yang mencukupi daripada ladang ini akan dapat diperoseskan. Kilang di Pulau Sebatang akan memainkan peranan penting di dalam bidang ini. FIMA juga sedang mengkaji kemungkinan menanam sayur-sayuran seperti cendawan dan sebagainya yang boleh ditinkan.

Bagi sementara waktu kilang di Pulau Sebatang telah memberhentikan pengeluaran nenas dan segala nenas yang dikeluarkan di kawasan ini telahpun diserapkan oleh kilang di Pekan Nenas. Pekerja-pekerja di Kilang Pulau Sebatang telah diberi kerja di Kilang di Pekan Nenas.

Kedua-dua kilang ini dibina dengan bertujuan untuk menjamin penghidupan pekebun-pekebun kecil nenas di kawasan yang tersebut dan P.C.M. bersedia membeli dan memproses segala nenas yang dikeluarkan. Tetapi dari segi kemajuan yang dapat dicapai oleh P.C.M. ke arah ini mustahaklah pekebun-pekebun kecil nenas di kawasan itu memperbaiki mutu pengeluaran nenas mereka yang sesuai untuk ditinkan. Sambil itu adalah perlu bagi pekebun-pekebun kecil nenas menanam semula nenas mereka. Saya sukacita, di kawasan Pontian pada hari ini beribu-ribu ekar telah ditanam semula dengan nenas dan ini saya percaya boleh membantu penduduk-penduduk di kawasan itu memperbaiki kehidupan mereka sendiri. Usaha-usaha juga sedang dijalankan oleh

FIMA untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi pasaran keluarannya baik di dalam maupun luar negeri bagi kepentingan pekebun-pekebun kecil nenas.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana penerangan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tadi satu daripada sebab kurang majunya perjalanan kilang nenas di Pulau Sebatang ialah oleh kerana kekurangan nenas. Saya ingin mendapat penjelasan adakah benar bahawa ada setengah-setengah pihak mengatakan pada masa kilang ini mula-mula dibuka dahulu, nenas terlampau banyak dan oleh kerana kilang tidak dapat membelinya menyebabkan banyak jadi busuk dan keadaan demikian menyebabkan semangat penanam nenas jatuh untuk menanam nenas dan ini mengakibatkan kekurangan nenas pada masa sekarang ini. Jadi, apakah tindakan pihak yang berkenaan untuk mengatasi keadaan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini sudah dijawab tadi dengan menanam beberapa ribu ekar lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya menanam nenas selain daripada buah-buahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapan yang diberi ialah berkenaan nenas. Kalau berkehendakkan tindakan berkenaan nenas, tidak payah disoal lagi kerana tindakan sudah diambil.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Pada keseluruhannya saya ingin mendapat penjelasan setakat ini bagaimana-kah kedudukan kilang nenas ini, adakah memberi keuntungan atau sebaliknya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Soalan yang asas ini lain sedikit bukan berkenaan dengan untung rugi.

LOCOMOTIVES—PEMBELIAN KERETAPI TANAH MELAYU

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menerangkan butir-butir mengenai pembelian Locomotive oleh Keretapi Tanah Melayu baru-baru ini, iaitu

cara tawaran dibuat dan negeri-negeri yang membuat tawaran serta harga tawaran masing-masing.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Crown Agents adalah diminta untuk mempelawa tawaran-tawaran antarabangsa bagi pembelian 25 buah Loko Landasan Indok. Tawaran-tawaran telah ditutup pada 10hb Oktober, 1969 dan senarai tawaran-tawaran yang diterima adalah seperti berikut:

<i>Nama Firma dan Negeri</i>	<i>Harga Tawaran C.I.F.</i>
1. Rheinstahl Hereschel A. G., W. Germany	\$18,547,500
2. English Electric AEI Traction Ltd., England	\$20,781,525
3. Societe Alsthom, 75 Paris (16e) France	\$23,286,500
4. Mitsubishi Heavy Industries Ltd., Tokyo	\$21,950,000
5. Tokyo Electric Mfg. Co. Ltd., Tokyo Fuji Electric Co. Ltd., Tokyo Kisha Seizo Kaisha Ltd., Tokyo	Jointly \$16,602,891.25
6. Ganz Mavag, Hungary ...	US\$4,539,000 F.O.B.
7. G.E.C.—English Electric Company, Brisbane, Australia ...	\$15,854,075
8. Compagnie Electro Mecanique, France	\$20,480,170
9. Kisha Seizo Kaisha Ltd., Tokyo	\$17,047,619
10. Nippon Sharyo Seizo Kaisha Ltd., Tokyo	\$20,403,625
11. Hunslet Engine Co. Ltd., Leeds England 10	\$18,839,625
12. Locomotive Export-Union, West Germany	\$21,289,175
13. Locomotive Export-Union, Type M1800 Co. 'CO' West Germany	\$25,042,075
14. General Motors Overseas Operations, New York	\$17,483,375
15. Nissho-Iwai Co. Ltd., Tokyo ...	\$17,377,343.75
16. Hitachi Ltd., Tokyo	\$17,100,000

Selepas tawaran-tawaran disemak oleh Lembaga Keretapi, tawaran-tawaran dikaji pula oleh Perbendaharaan dan tawaran yang berjaya telah diberitahu kepada Crown Agents pada bulan Mac 1970.

Pada bulan Mei 1970 dengan persetujuan Perbendaharaan jumlah lokomotif ditambahkan sehingga 40 buah supaya Rancangan Pendiselan dapat disiapkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyenaraikan nama-nama penawar-penawar dan di

dalam senarai itu diperolehi bahawa yang termurah sekali ialah tawaran dari Hungary, kalau tidak silap saya, berjumlah US\$4,539,000 F.O.B. Hamburg. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa sebelum tawaran itu dibuat ada satu rombongan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan Keretapi Tanah Melayu yang telah pergi ke sebuah negeri Eropah Timor untuk menyampaikan hasrat Jabatan Keretapi Tanah Melayu bahawa Jabatan Keretapi Tanah Melayu akan membeli locomotive daripada negeri tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu lain daripada soalan yang asal.

SIJIL BERANAK YANG TIDAK DIBUBUH NAMA

3. Datuk James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini terhadap sijil-sijil beranak yang tidak dibubuhkan dengan nama kanak-kanak berkenaan dan sijil-sijil ini telah dikeluarkan oleh hospital-hospital di Sabah; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa mereka yang terlibat tidak dapat mengambil kad-kad pengenalan dan juga tidak dapat membaharui paspot-paspot mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara sijil-sijil beranak yang tidak dibubuhkan nama telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dengan cadangan supaya peruntukan di bawah seksyen 11 (ii) Ordinan Beranak dan Mati (Cap. 123) Sabah dipinda selaras dengan peruntukan seksyen 15 di dalam Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, 1957 yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia. Mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan sekarang di Sabah kemasukan nama di dalam sijil beranak yang tidak bernama hanya boleh dimasukkan jika permohonan dibuat di dalam tempoh

11 tahun dari tarikh kelahiran kanak-kanak itu. Dengan pindaan yang dicadangkan itu masalah mengenai kemasukan nama kanak-kanak yang dialami di Sabah sekarang ini akan dapat diatasi. Cadangan ini masih lagi di dalam kajian Kerajaan Negeri Sabah.

- (b) Perkara ini tidak menjadi sebarang masalah oleh kerana surat beranak yang tidak bernama boleh juga digunakan untuk mengambil kad pengenalan dan membaharui paspot mereka yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Loh Fook Yen. Tak ada.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Loh Fook Yen tidak hadir).

RANCANGAN DI TALIVISYEN MALAYSIA

5. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar sebilangan besar penuntun-penuntun talivisyen di negara ini kurang berpuas hati dengan rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh Talivisyen Malaysia; jika ya, nyatakan langkah yang akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan mutu rancangan-rancangan yang diterbitkan olehnya itu.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memanglah mustahil bagi RTM memberikan kepuasan pada semua lapisan pendengar. Jika dibaca dalam akhbar-akhbar, setengah-setengah pihak tak suka pada satu program tetapi pihak lain pula suka pada satu program itu. Begitu juga dengan setengah pihak suka program itu awal dan setengah-setengah pihak suka pada program itu lewat, misalnya di dalam akhbar-akhbar ada penuntun-penuntun TV menyatakan bahawa rancangan-rancangan seperti the Rookies, That's My Mama disiarkan terlalu awal dan ada pula pembaca yang mengatakan program-program itu patut dilewatkan.

Apa yang dibuat oleh RTM ialah mendapatkan buah fikiran orang ramai melalui akhbar-akhbar, surat-surat dan research di RTM sendiri. Dari situ pihak RTM mencari jalan tengah untuk memenuhi kehendak

pendengar-pendengar yang terdiri dari berbagai-bagai keturunan, ugama dan adat-resam.

Selalu saya ibaratkan membuat progrem TV ini seperti dengan persiapan kenduri—10 atau 15 ekor kerbau tumbang sekalipun habis sahaja temasya itu umpat keji mesti juga timbul dan begitulah juga dengan keadaan membuat progrem RTM ini.

Tuan Luhah Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah timbul perasaan tidak puashati dari kalangan rakyat Malaysia terhadap TV Malaysia ini oleh kerana berlainan masa sebagaimana yang kita ketahui kalau di sini pukul 10.00 tentu sekali di Sabah dan Sarawak sudah pukul 10.30. Oleh itu kebanyakan orang telah letih dengan kerja yang berat dan sudah tidur pada masa itu tidak dapat menuntun TV.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini kerja di mana?

Tuan Luhah Wan: Kerja di ladang-ladang ataupun di kebun-kebun di negeri Sarawak dan Sabah.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi satu-satu progrem itu barangkali kita boleh menjawab dengan tepat, tetapi kalau diberi secara umum, susahlah saya hendak memberi jawapan yang tepat.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan yang mana satu progrem yang disebutkan oleh Ahli Pembangkang ini yang orang-orang di Sarawak itu tidak begitu senang hati. Ini begitu umum, jadi kita tidak tahu. Bagi saya sendiri, saya suka kepada kebanyakan progrem yang dikeluarkan oleh TV Malaysia untuk Sarawak. Tetapi bagi dia Pembangkang, kita tidak tahu barangkali dia suka hendak melihat progrem sabung ayam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan Yang Berhormat? (*Ketawa*)

BILIK PEMERIKSAAN (CONSULTING ROOMS) BAGI DOKTOR-DOKTOR

6. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar iaitu Bilik-bilik Pemeriksaan bagi semua Doktor-doktor di Hospital Bukit Mertajam tidak dipasang alat hawa-dingin, dan disebabkan begitu ramai bilangan pesakit-pesakit yang nampak berkerumun di keliling bilik-bilik Doktor itu, adakah Menteri Kesihatan akan menimbang memasang alat-alat hawa-dingin kepada semua bilik-bilik pemeriksaan Doktor di Hospital Bukit Mertajam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu, semua Bilik Pemeriksaan (Consulting Rooms) Doktor-doktor Pakar iaitu Pakar Bedah, Pakar-pakar Bidan dan Sakitpuan, Physician dan Doktor Pakar Mata, adalah berhawa dingin. Memanglah diakui bahawa adalah elok dihawa-dinginkan semua Bilik Pegawai-pegawai Perubatan tetapi, memandangkan kepada kedudukan kewangan kita, terutama sekali dasar Kerajaan untuk berjimat cermat, maka tidaklah dapat dihawa-dinginkan bilik-bilik itu.

SYARIKAT PERINDASTRIAN TARAF PERINTIS

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah benar bahawa kebanyakan syarikat-syarikat asing yang mendapat taraf perintis dalam negara ini menyalurkan sebahagian besar keuntungan mereka ke luar negeri dan jika ya, nyatakan bilangan syarikat-syarikat tersebut dan dari negara-negara mana. Nyatakan samada perbuatan ini disebabkan oleh tidak percaya mereka terhadap kestabilan negara ini atau sebab-sebab lain dan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mewarganegarakan syarikat-syarikat tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya syarikat-syarikat asing termasuk syarikat perindustrian yang bertaraf perintis yang membawa keuntungan mereka ke luar negeri tetapi kejadian ini bukanlah disebabkan oleh kerana kebimbangan mereka

terhadap kestabilan negara ini tetapi hanyalah disebabkan oleh keinginan mereka untuk menikmati keuntungan-keuntungan tersebut di negara masing-masing. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan bahawa pengawasan adalah juga dikenakan terhadap perkara tersebut di mana syarikat-syarikat asing tersebut dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada Bank Negara dengan cara mengisi borang-borang tertentu dengan menyatakan jumlah wang yang terlibat dan untuk tujuan apa. Walau bagaimanapun, Kementerian saya ada menggalakkan syarikat-syarikat perindustrian itu untuk melaburkan balik keuntungan mereka di negara ini samada dengan cara memperbesarkan pengeluaran mereka ataupun untuk dilaburkan di dalam projek-projek lain. Sambutan yang diberi oleh syarikat-syarikat yang berkenaan setakat ini adalah memuaskan.

Di samping itu sukalah saya menjelaskan bahawa tidak ada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewarganegarkan syarikat-syarikat perindustrian di negara ini kerana ini bukanlah menjadi dasar Kerajaan. Apa yang berjalan sekarang ini ialah melaksanakan langkah-langkah supaya memastikan yang syarikat-syarikat itu mematuhi dasar-dasar dan objektif-objektif Kerajaan yang ditentukan dari masa ke semasa selaras dengan hasrat dan aspirasi rakyat. Umpamanya, menguntukkan bahagian equity yang ditetapkan untuk rakyat tempatan di kilang-kilang perindustrian yang belum lagi berbuat demikian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan bilangan syarikat-syarikat sebagaimana yang saya soalkan di dalam soalan yang tersebut sebab itu ada terkandung di dalam soalan saya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi perkara mengawasi keluaranya wang daripada negara ini adalah diselenggarakan oleh dua pihak, iaitu Perbendaharaan dan Bank Negara, maka angka-angka badan ini adalah tidak pada Kementerian saya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa sebahagian syarikat-syarikat yang membawa

keuntungan mereka keluar negeri ini setelah mereka merasakan bahawa mereka tidak gembira dengan hasrat Kerajaan untuk memperuntukkan ataupun meminta mereka memperuntukkan 30% daripada modal mereka kepada kaum bumiputra ataupun menentukan dengan had-had yang tertentu bagaimana yang terkandung dalam peraturan kita yang baru ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi kita telah mengadakan dasar-dasar yang tertentu untuk menjamin bahawa rakyat tempatan akan menikmati juga segala hasil-hasil perindustrian yang dijalankan di dalam negara ini dengan menentukan bilangan equity yang kita tetapkan supaya diberi kepada rakyat tempatan oleh pelabur-pelabur asing yang ada di dalam negara ini.

PENEROKA TANAH HARAM

8. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa pada tahun ini dan tahun-tahun kebelakangan ini usaha tanah haram telah dilakukan di banyak tempat dan kawasan di negara ini, dan jika ya, nyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa tindakan ini adalah satu cabaran kepada Kementerian berkenaan dalam menjalankan tugas-tugasnya menyelamatkan tanah-tanah yang berharga daripada diusahakan dengan sesukahati oleh peneroka-peneroka haram;
- (ii) samada ia mendatangkan kerugian yang besar kepada hasil wang negara walhal Kerajaan hari ini sedang menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi yang runcing;
- (iii) samada ia menghina kuatkuasa undang-undang kanun tanah negara yang tidak boleh bertindak, berbuat apa-apa bagi menyelesaikan perkara ini yang kian meluas; dan
- (iv) tindakan-tindakan Kementerian beliau dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang diambil untuk memberhentikan atau meluluskan pemberian tanah-tanah haram ini kepada penduduk-penduduk tanah haram.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kementerian Tanah dan Galian sedar iaitu tindakan yang diambil oleh peneroka-peneroka tanah haram ini adalah menjadi satu cabaran kepada pihak Kerajaan, tetapi pihak Kerajaan tidaklah berdiam diri di atas perkara ini. Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara untuk menyingkir penghuni-penghuni tanah-tanah haram dan ada daripada mereka itu yang diberi rumah-rumah murah ataupun tempat-tempat perumahan untuk menempatkan mereka semula.
- (ii) Sungguhpun tindakan mereka itu merugikan hasil negara, tetapi pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan bagi mengatasi perkara ini sebagaimana yang telah saya nyatakan, misalnya di Wilayah Persekutuan tindakan sedang diambil bagi mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara (T.O.L.).
- (iii) Peruntukan dalam Kanun Tanah Negara untuk mengawal pendudukan tanah secara haram adalah mencukupi dan diperlaksanakan di mana perlu.
- (iv) Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun menubuhkan pasukan-pasukan petugas untuk mengambil tindakan menyingkir mereka, menyediakan kawasan-kawasan tertentu dan menyediakan rumah-rumah murah untuk memindahkan mereka.

UNDANG-UNDANG BURUH—KAJIAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak puas hati dengan sistem perhubungan perindustrian serta undang-undang buruh yang ujud sekarang, dan jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarahkan satu lagi kajian ke atas undang-undang buruh yang ada dengan tujuan memperbaikinya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentukan Undang-undang Buruh, Kementerian saya adalah sentiasa berunding dengan kedua-dua wakil pekerja-pekerja dan majikan-majikan di

dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan. Mungkin ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang tidak berpuas hati dengan beberapa aspek yang tertentu, akan tetapi apabila kita memperkatakan sistem perhubungan perusahaan atau Undang-undang Buruh, kita haruslah ingat akan peserta-peserta dalam sistem ini termasuk pekerja-pekerja, majikan-majikan Kerajaan dan masyarakat seluruhnya. Oleh yang demikian, sebarang Undang-undang yang bertujuan untuk mengatur Undang-undang Perhubungan Perusahaan dan Undang-undang Buruh, hendaklah menimbangkan keperluan dan kepentingan masyarakat seluruhnya.

Undang-undang Buruh kita adalah sentiasa dikaji semula dan jika difikirkan perlu, pindaan adalah dibuat untuk menyesuaikan dengan suasana dan keperluan negara ini. Ahli Yang Berhormat itu tentulah sedar bahawa di dalam persidangan Dewan ini pada bulan April yang lalu, Ahli Yang Berhormat itu telah memberi kepujian kepada Kementerian saya kerana mengemukakan Rang Undang-undang untuk meminda peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Rang Undang-undang tersebut telahpun menjadi Undang-undang, iaitu Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan), 1975, berkuatkuasa mulai pada 1hb Ogos, 1975.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Ordinan Pekerja, 1955 adalah sedang dikaji semula dengan perundingan yang sama dengan pihak-pihak majikan dan pekerja.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada pihak Kementeriannya ada menerima apa-apa memorandum daripada Kesatuan Sekerja Kebangsaan yang mengatakan cadangan mereka untuk memperbaiki sistem perhubungan perusahaan dan jika ada apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan.

Datuk Lee San Choon: Saya fikir saya telah jawab dalam jawapan tadi.

SEKOLAH MENENGAH RENDAH—KELEWATAN PEMBINAAN

10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah projek pembinaan

bagi sekolah-sekolah menengah dan rendah di Negeri Kelantan yang telah dilulus bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 dalam rancangan Malaysia Kedua masih belum dimula pembinaannya. Sekiranya ada apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran dan pihak Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah kelewatan rancangan pembinaan itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1973, 19 projek sekolah rendah dan 14 projek sekolah menengah telah diluluskan. Bagi sekolah rendah kesemua projek yang telah diluluskan adalah sedang dalam pembinaan. Bagi sekolah menengah dari jumlah yang diluluskan hanya sebuah sahaja pembinaannya belum dilancarkan. Walau bagaimanapun, projek ini akan dilaksanakan segera kerana pada masa ini persiapan untuk memanggil tawaran sedang berjalan.

Dalam tahun 1974, 34 projek sekolah rendah dan 11 projek sekolah menengah telah diluluskan bagi sekolah-sekolah rendah dari jumlah yang diluluskan hanya 4 buah sekolah sahaja yang belum dapat dibina. Kelambatan ini adalah disebabkan oleh masalah tapak. Begitu juga dengan sekolah menengah, 3 dari 11 projek yang diluluskan tidak dapat dilancarkan oleh kerana masalah tapak. Bagi projek 1975 pula, 29 projek sekolah rendah dan 10 projek sekolah menengah telah diluluskan. Setakat ini tender bagi 6 projek sekolah rendah itu telah dipanggil, manakala sekolah menengah pula hanya sebuah sahaja yang sudah dipanggil tendernya. Bagi projek-projek lain tender belum dapat dipanggil kerana pada kebiasaannya dari tarikh surat kuasa meluluskan projek dikeluarkan sehingga tawaran dibuat adalah memakan masa selama 6 bulan. Surat kuasa pula dikeluarkan berperingkat-berperingkat mengikut keutamaan projek. Pada keseluruhannya, untuk tahun 1973, 1974, dan 1975 dari jumlah 82 projek sekolah rendah yang diluluskan hanya 27 projek sahaja yang belum dilancarkan; manakala dari jumlah 35 projek sekolah menengah hanya 13 projek yang belum dilaksanakan pembinaannya.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Di dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyatakan bahawa ada setengah-setengah projek

tidak dapat dijalankan kerana persoalan tapak. Saya dapati ada sebuah sekolah, umpamanya, dalam kawasan saya yang projeknya diluluskan dalam tahun 1972 tetapi tidak dapat dibina sampai sekarang. Saya ingin bertanya samada di dalam menyelesaikan soal pampasan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, pihak Kementerian hanya memakai nilai yang dibuat oleh Pejabat Penilaian sahaja ataupun dirojokkan kepada pihak P.H.T. kerana di dalam soal sekolah yang saya sebutkan tadi dalam kawasan saya itu, pihak Kementerian hanya memakai nilai yang diberi oleh pihak Pejabat Penilaian sahaja dan menepikan penilaian yang diberi oleh pihak P.H.T. Apakah tindakan yang diambil atas perkara ini?

Tuan Chan Siang Sun: Saya ingat perkara ini saya akan siasat dengan teliti sebelum saya boleh buat jawapan.

PEMOHON RANCANGAN TANAH KETIGA

11. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (a) Rancangan Tanah Yang Ketiga—Raja Hitam—masih belum dikeluarkan kepada orang ramai dan prosesnya amat lambat;
- (b) hanya pemohon-pemohon tertentu (Selected Applicants) telah diminta menghadiri temuduga sementara pemohon yang benar-benar ketiadaan tanah tidak dipedulikan sama sekali;
- (c) memandangkan keadaan ini, adakah perlu Wakil Rakyat diminta diwakili Lembaga Pemilihan (Selection Board). Jika tidak, mengapa;
- (d) langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk mengelakkan keadaan tidak seimbang ini supaya orang yang benar-benar ketiadaan tanah diberi keutamaan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana terdapat beberapa masalah tertentu, sehingga sekarang kelulusan bagi rancangan ini belum lagi diperolehi dari Kerajaan Negeri. Tindakan sedang diambil untuk meluluskan rancangan ini.

- (b) Ini adalah tidak benar. Penduduk-penduduk kawasan ini telah dipelawa untuk membuat permohonan dalam tahun 1973 dan sejumlah 6,000 permohonan telah diterima dan setelah membuat "short listing" hanya 2,400 peserta yang layak ditemuduga. Pada masa ini pemilihan peserta-peserta sedang diselenggarakan.
- (c) Lembaga Pemilihan adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri dan termasuk seorang Wakil Rakyat.
- (d) Langkah-langkah yang dijalankan pada masa ini ialah—
- (i) Dasar-dasar pemilihan ditetapkan sebelum permohonan dibuka kepada peserta-peserta;
 - (ii) Penapisan dijalankan dengan menyemak borang-borang permohonan untuk menentukan hanya peserta-peserta yang betul-betul layak sahaja dipanggil untuk ditemuduga;
 - (iii) Setelah temuduga dijalankan nama-nama mereka yang berjaya dipamerkan di "Public Notis" untuk bantahan-bantahan daripada orang ramai tentang pemilihan mereka;
 - (iv) Sekiranya bantahan-bantahan diterima terhadap mereka yang dipilih bantahan itu akan disiasat untuk menentukan benar atau tidak. Jika sekiranya bantahan itu didapati benar pemilihan mereka itu akan dibatalkan.

RANCANGAN BANDAR DAN DESA— KHIDMAT NASIHAT

12. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan jumlah khidmat nasihat berkenaan dengan perancang bandar dan desa dan berapakah kampung atau bandar yang terlibat hingga kini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bandar dan desa yang diberi khidmat nasihat perancang sehingga hari ini ialah 1,131 dan ini termasuk kampung-kampung baru, perkampungan FELDA bandar-bandar baru seperti di kawasan Pahang Tenggara dan Johor Tenggara.

Manakala bilangan khidmat perancangan yang diberi kepada kawasan-kawasan di atas, dihitung panjang adalah sebanyak 1,477 sebulan, dan bilangan ini tidak termasuk perkhidmatan di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Perbandaran Ipoh.

SEKIM SETOK PENIMBAL GETAH

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada kemajuan besar telahpun dicapai ke arah penubuhan setok penimbal getah antarabangsa dengan penyertaan oleh setok penimbal tersebut dan samada Bank Dunia ataupun Tabung Kewangan Antarabangsa telah diminta membiayai setok penimbal itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan beberapa kali dalam Dewan Rakyat yang lepas, penubuhan Sekim Setok Penimbal Getah yang sekarang ini telah dipersetujui dipanggil sebagai Sekim Pengstabilan Harga Getah Asli telahpun dibincangkan oleh semua Ahli Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli dalam beberapa mesyuaratnya yang lalu mulai bulan Mei, 1975. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk menghuraikannya dengan lebih lanjut.

Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan bahawa pakar-pakar negara-negara pengeluar getah asli sedang pesat menyiapkan deraf perjanjian sekim tersebut dan dijangka satu mesyuarat akan diadakan di Bangkok pada bulan November ini bagi meneliti seterusnya deraf perjanjian tersebut.

Ingin saya menegaskan bahawa Malaysia bersama-sama dengan Negara-negara Pengeluar Getah Asli yang lain ingin melihat supaya penubuhan Sekim Pengstabilan Harga Getah Asli dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai kejayaan yang dikehendaki. Oleh itu, negara-negara tersebut sedang mengkajinya dengan secara mendalam dari semua aspek malah dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, deraf Perjanjian tersebut diteliti artikal demi artikal sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli dan seterusnya dipersetujui dan ditandatangani oleh Menteri-menteri negara berkenaan kelak.

Mengenai besarnya setok penimbal getah, tidaklah dapat saya umumkan pada masa ini. Berhubung dengan pembiayaan setok penimbal dari Bank Dunia atau Tabung Kewangan Antarabangsa (I.M.F.), memandangkan perbincangan deraf perjanjian sekim tersebut masih diteruskan, maka permohonan secara resmi belumlah boleh dibuat. Walau bagaimanapun, Malaysia dan negara-negara pengeluar getah asli lainnya telah menyuarakan di forum-forum antarabangsa supaya kemudahan-kemudahan diberikan oleh Institusi-institusi Kewangan sedunia untuk membiayai sekim antarabangsa yang seumpama berkaitan dengan barang-barangan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjelaskan bahawa jaminan ini mengikut beliau akan diperseujui oleh semua negara-negara pengeluar besar getah asli. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah bukti menunjukkan bahawa semua negara-negara pengeluar besar getah asli akan bersetuju dengan jaminan ini. Jika 2-3 buah negara tidak memerseujui, adakah beliau sedar Malaysia sebagai pengeluar getah asli yang terbesar akan rugi banyak?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah katakan tadi negara-negara pengeluar getah asli akan mengadakan mesyuarat di Bangkok berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

TANAH RUNTUH (LANDSLIDE) DI CHIAM LEE TIN MINE

14. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar suatu keruntuhan tanah (landslide) telah berlaku di Chiam Lee Tin Mine, Kepong pada 9hb September, 1975, dalam mana dua pekerja Yap Voon Kong dan Chong Choo dan orang lain Wong Siew Kong telah terbunuh; jika ya, samada Jabatan Galian mengadakan suatu siasatan tentang keruntuhan tanah itu dan apa gantirugi telah diberi kepada keluarga ketiga-tiga orang yang terbunuh itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Galian sedar tentang kejadian kemalangan maut bersabit dengan tanah runtuh di Chiam Lee Tin Mine, Kepong pada 9hb September,

1975. Satu lawatan bersama ke lombong tersebut telah dibuat pada 11hb September, 1975 oleh saya sendiri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama untuk menentukan sebab-sebab kejadian kemalangan tersebut. Jabatan Galian di bawah Kementerian Tanah dan Galian telah menjalankan penyiasatan berhubung dengan kemalangan ini sebagaimana yang dikehendaki di dalam Undang-undang Galian dan laporannya sedang disediakan. Perbelanjaan kebumihan telah ditanggung oleh syarikat lombong dan keluarga simati akan menerima wang gantirugi sebagaimana dibekalkan di bawah Akta Gantirugi Pekerja-pekerja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar keruntuhan tanah (landslide) di lombong masing-masing di tanahair kita makin lama makin bertambah, bukan di Kepong sahaja bahkan di tempat lain di Wilayah Persekutuan mahupun di negeri lain. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa apa langkah Jabatan Galian akan mengambil supaya kita boleh mengurangkan keruntuhan tanah (landslide)?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mengenai point yang pertama mungkin accident seperti ini akan bertambah dan mungkin juga tidak akan bertambah. Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Tanah dan Galian ialah menentukan supaya syarikat-syarikat lombong mematuhi segala peraturan-peraturan yang dikehendaki oleh Jabatan Galian dan juga menambahkan supervision di lombong-lombong tersebut. Sebenarnya, saya sendiri telah memberi arahan kepada Jabatan Galian supaya memperhebatkan lagi supervision di musim tengkujuh dan saya percaya arahan ini telah disebarkan kepada semua Jabatan Galian di seluruh negara kita.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjelaskan bahawa Jabatan Galian telah menyiasat perkara keruntuhan tanah ini. Bolehkah beliau jelaskan bahawa selepas penyiasatan oleh Jabatan Galian adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu penyiasatan lain, iaitu Coroner's Inquiry, dan jika ya, keluarga simati semuanya dijemput untuk memberi keterangan di dalam Coroner's Inquiry.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan asas yang pertama sudah dijawab. Soalan ini berlainan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh, kalau ada hubungannya.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar pada 26hb Ogos, tahun ini satu keruntuhan tanah telah berlaku di Kuala Lumpur dan sehingga hari ini mayat orang itu belum dijumpai lagi. Kalau beliau sedar apa langkah Jabatan Galian akan mengambil supaya keluarga simati boleh dapat mayatnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang macam ini berkehendakkan notis. Macammana Yang Berhormat Menteri hendak ingat semua perkara yang berlaku melainkan diberitahu dahulu. Ini lagi lain soalnya (*Ketawa*).

GRATUITI KEPADA BEKAS AHLI MAJLIS TEMPATAN

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada beliau pernah berkata Kerajaan akan memperuntukkan wang gratuiti kepada bekas Ahli-ahli Majlis Tempatan; jika ya, bilakah mereka akan mendapatkan wang gratuiti tersebut;
- (b) samada beliau sedar bahawa bekas Ahli-ahli Majlis Tempatan Negeri Perak masih belum dapat wang gratuiti mereka; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak pernah berkata Kerajaan akan memperuntukkan wang gratuiti kepada bekas Ahli-ahli Majlis Tempatan, apa yang sebenarnya telah berlaku ialah Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan telah membuat satu dasar iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri

patut memberi sagu hati kepada semua ahli penguasa tempatan yang telah di-tamatkan keahliannya sebagai tanda penghargaan kepada jasa-jasa mereka yang telah lepas.

- (b) Saya tidak sedar dengan hal ini oleh sebab perkara ini ialah soal Kerajaan Negeri Perak sendiri.
- (c) Saya boleh berhubung dengan Pihak-berkuasa Negeri Perak dan menasihatnya dengan sewajar.

LETRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG BARU

16. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menyediakan bekalan letrik ke kampung-kampung baru; dan
- (b) samada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memperbesar-kan lagi kampung-kampung baru dengan tidak berlengah-lengah lagi memandangkan kepada kesesakan yang terdapat pada masa ini di kampung-kampung baru.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan-ancangan bekalan letrik ke kampung-kampung baru adalah termasuk dalam rancangan bekalan letrik luar bandar yang dibiayai bersama oleh Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, Kerajaan Negeri yang berkenaan dan Lembaga Letrik Negara. Saya difahamkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sebanyak \$26.2 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian tersebut (Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan) dan juga peruntukan yang sama telah diberikan kepada pihak Negeri, dan Lembaga Letrik Negara untuk sekim rancangan bekalan letrik luar bandar.

Pihak-pihak yang berkenaan itu telah mengambil langkah untuk mengadakan bekalan letrik kepada kampung-kampung baru. Bekalan-bekalan letrik itu dikendalikan samada

menerusi pelesen-pelesen awam atau mengadakan stesyen-stesyen penjana kuasa luar bandar oleh Lembaga Letrik Negara sendiri ataupun bekalan secara sambungan biasa dari sistem voltan rendah dari bandar-bandar.

- (b) Pada umumnya memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian saya berusaha untuk mendapatkan tanah-tanah yang berhampiran dengan kampung-kampung baru yang mana keadaannya telah menjadi sempit atau sesak disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk kampung tersebut. Walau bagaimanapun, kejayaan usaha dan cita-cita itu tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapat tanah di sekeliling kampung-kampung baru tersebut. Keadaan tanah-tanah di sekeliling kampung-kampung baru masa sekarang sangatlah berkurangan. Oleh hal yang demikian, pihak Kerajaan Persekutuan boleh mempercepatkan usaha untuk menjayakan hasrat dan cita-cita memperluaskan lagi kampung-kampung baru yang telah sempit dan sesak itu, jika ada kerjasama pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak yang empunya tanah yang berkenaan; samada Kerajaan Negeri atau swasta.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah membuat pengumuman berkenaan dengan suatu rancangan percubaan untuk menyusun semula kampung-kampung baru serta mendapatkan kawasan tanah yang lebih luas di Negeri Perak.

Suatu kumpulan wang pusingan sedang didapatkan bagi membiayai rancangan meluaskan kampung-kampung baru itu, demikian juga bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan api di dalam rancangan tersebut.

Dengan adanya rancangan itu, penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang ingin tinggal di sana akan diberi peluang membeli tanah-tanah dengan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan itu. Jika kemudahan perumahan diperlukan maka ianya akan dipertimbangkan menurut keadaan di tempat itu serta keupayaan

peserta-peserta projek itu menampung perbelanjaan yang akan ditetapkan kelak.

Bagaimanapun projek tersebut adalah projek perintis yang memerlukan bantuan dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri serta Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kemajuannya nanti akan dijadikan asas untuk melaksanakan suatu program nasional dalam usaha Kementerian saya membesarkan kampung-kampung baru yang sempit dan seterusnya menyusun semula masyarakat kampung-kampung baru di seluruh Negeri.

MENGUBAH BULATAN BESAR JADI PERSIMPANGAN

17. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Menteriannya akan menimbang mengubah setengah-setengah bulatan yang besar di Kuala Lumpur menjadi persimpangan yang dikawal oleh lampu isyarat bertujuan untuk mewujudkan perjalanan kenderaan yang lebih tertib oleh kerana kebanyakan bulatan-bulatan ini telah terbukti sebagai "Bottlenecks" dan tempat berlakunya kesesakan lalu-lintas; sekiranya ya, bila, dan jika tidak mengapa.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengubah setengah daripada bulatan-bulatan besar di Kuala Lumpur ini menjadi persimpangan-persimpangan yang dikawal oleh lampu isyarat.

Kerajaan sememangnya sedar tentang berlakunya kesesakan lalu-lintas di beberapa bulatan pada masa-masa yang tertentu. Walau bagaimanapun mengubah bulatan-bulatan tersebut menjadi persimpangan-persimpangan, jika didapati perlu kelak, hendaklah diselaraskan dengan rancangan memperbaiki jalan dan lalu-lintas seluruhnya agar tidak nanti kesesakan di satu tempat itu hanya dapat diselesaikan sekadar memindahkan ke satu tempat yang lain pula. Dewan Bandaraya bercadang hendak membaiki setengah daripada persimpangan-persimpangan penting yang ada sekarang ini dalam tahun 1976.

Sementara itu lapuran mengenai Kajian Pengangkutan Kuala Lumpur (Central Area Traffic Improvement Scheme) yang dikemukakan oleh sebuah firma perunding sekarang ini sedang giat disemak oleh satu Jawatankuasa Pertugas.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan samada Kerajaan akan menambah bilangan polis lalu-lintas untuk mengawal keadaan lalu-lintas di bulatan-bulatan yang ada sekarang pada setiap masa.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang memang ada polis-polis bertugas di bulatan-bulatan tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya adakah hendak tambah lagi.

Tan Sri Ong Kee Hui: Boleh ditambah, jika perlu.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan walaupun terdapat ramai anggota polis di bulatan (round-about) yang menggunakan walkie-talkie tetapi mereka tidak dapat mengawal dan mengatur lalu-lintas kerana terdapat banyak kereta khususnya pada waktu peak hours, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang lain Kementerian beliau mempunyai untuk mengatasi masalah tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa sekarang kita telah kemukakan kepada Dewan ini satu Rang Undang-undang yang baru yang membolehkan Dewan Bandaraya mengadakan Traffic Warden untuk bertugas di kawasan lalu-lintas Dewan Bandaraya ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Asalkan jangan buat bulatan yang bertambah kecil sudahlah seperti di Jalan Pantai. (Ketawa).

CUKAI TANAH

18. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa sejak penanaman padi dua kali setahun dijalankan, masih terdapat

petani-petani di Kelantan yang tidak mampu membayar cukai tanah. Jika ya, apa langkah-langkah yang Kerajaan bercadang akan ambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya mengikut maklumat yang aya terima daripada kadar, semua petani-petani yang menanam dua kali setahun sepatutnya boleh membayar cukai tanah. Oleh itu mereka yang tidak membayar cukai tanah bukanlah kerana pendapatan mereka hasil daripada penanaman dua kali setahun tidak cukup, tetapi mungkin kerana sebab-sebab yang lain. Kawasan-kawasan di Kelantan di mana double-cropping dijalankan ialah di Kemubu, Lemal Pasir Mas, Alor Pasir dan Salor di mana seluas 64,000 ekar tanah telah ditanam dengan padi dua kali setahun.

Mengikut pendapatan pula sebelum double-cropping dijalankan hasil padi lebih kurang hanya 250 gantang bagi tiap-tiap sekar bagi setahun. Tetapi setelah double-cropping dijalankan, maka kenaikan sampai kepada 450 gantang bagi satu ekar, kalau dua kali setahun bermakna 900 gantang bagi setahun. Sedangkan cukai tanah apa yang saya difahamkan di dalam double-cropping hanya \$3 satu ekar.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya setakat ini masih ada banyak terdapat petani-petani di Kelantan tanah sawahnya di tempat yang rendah yang selalu tenggelami air sepanjang masa akibat taliair. Petani seperti ini tidak dapat langsung hendak mengusahakan tanah sawahnya, yang mana tanah-tanah sawah seperti ini sebelum wujud taliair adalah dapat mengeluarkan hasil yang sangat memuaskan. Soalannya, adakah Kementerian yang berkenaan akan mengambil langkah untuk mengeringkan tanah-tanah sawah seperti ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kiranya soalan ini dapat ditentukan di kawasan-kawasan mana, maka Kementerian saya, insya Allah, akan mengadakan siasatan dengan seberapa segera dan cuba mengatasi masalah ini.

TAPAK KEDAI KEPADA ORANG AWAM

19. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat Tanah, Dindings telah mengkhaskan sebilangan lot kedai kepada orang awam yang terdiri atas "jalan rezab" bagi bangunan kekal. Jika ya, bilangan orang yang telah diberi layanan istimewa ini dan langkah-langkah perlu supaya syarat-syarat peraturan Perancangan Bandar dipatuhi.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukannya rezab jalan malahan tanah Kerajaan yang telah dirancangan untuk tapak-tapak kedai.

Sebanyak 4 tapak kedai dirancangan. 1 tapak kedai dirancangan di bawah Pelan Perancang No. A/8/6254 (pada tahun 1973) dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) kepada seorang pemohon di dalam bulan Ogos tahun 1973 dan yang 3 lagi itu dirancangan mengikut Pelan Perancang No. 134 TPG-774/1951 dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada 3 orang pemohon di dalam bulan Mac tahun 1975.

PENJARA SEREMBAN—BILANGAN ORANG TAHANAN

20. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang ditahan di penjara Seremban dengan memberi pecahan bilangan buangan politik dan penjenayah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Buang Negeri mengikut Perakuan Cawangan Khas 6, mengikut Perakuan Cawangan Jenayah 13.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa 19 orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan orang-orang itu ada membuat kesalahan, adakah mereka ada harapan untuk keluar daripada penjara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini ditahan di bawah Akta Buang Negeri, bukan

Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mereka ini hanya menunggu masa bila mereka dapat dikeluarkan, buat saya "adalah harapan".

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar tidak berapa lama dahulu ada satu kes di mahkamah yang mana seorang yang telah dibuang negeri, tetapi lama menunggu di penjara telah dibebaskan oleh mahkamah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa jika negeri yang kita hendak buang orang ini tidak mahu menerima orang ini, bilakah mereka itu kena tunggu atau ditahan di penjara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingat, bila kita tidak ada harapan lagi hendak menghantar mereka itu ke mana-mana, seperti tahun lalu, kita sendiri telah melepaskan 63 orang dengan bersyarat.

KAWAT TAHNIAH KEPADA PARTI KOMINIS MALAYA

21. Tuan Haji Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Republic Rakyat China telah menghantar sepucuk kawat tahniah kepada Parti Kominis Malaya kerana gerakannya baru-baru ini; kiranya benar, apakah tindakan Kerajaan terhadap perbuatan ini; dan
- (b) adakah Kerajaan telah membuat bantahan terhadap kawat tahniah itu; jika ya, apakah jawapannya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawatankuasa Pusat Parti Kominis China telah mengirinkan perutusan ucapan tahniah yang bertarikh 29hb April, 1975 itu kepada Parti Kominis Malaya sempena perayaan hari ulang tahun yang ke 45 penubuhan parti itu. Kerajaan Malaysia telahpun menyampaikan pendapatnya kepada Kerajaan Republik Rakyat China menerusi Duta Besarnya di Malaysia dengan menyatakan bahawa ucapan tahniah itu merupakan campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri Malaysia dan adalah bertentangan dengan persetujuan

mengadakan hubungan diplomatik di antara kedua negara dan jaminan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Republik Rakyat China tidak akan campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri Malaysia.

- (b) Sebagaimana yang saya telah terangkan terlebih dahulu, pendapat kita telahpun disampaikan kepada Kerajaan China yang tentu telah mengambil perhatian terhadap pendirian kita iaitu tindakan seperti itu akan merugikan perkembangan hubungan yang baik di antara kedua negara.

Jawapan kepada Soalan No. 4 adalah diberi di bawah ini.

TOPI KELEDAR BAGI PENUNGGANG MOTOSIKAL

4. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bahawa semenjak penunggang-penunggang motosikal dipaksa memakai topi keledar hingga bulan September tahun ini, beberapa kemalangan terlibat motosikal di kawasan Wilayah Persekutuan dengan memberi angka berhubung dengan kecederaan dan kematian, dan dibandingkan dengan angka dalam masa sama tahun lalu, iaitu masa belum melaksanakan Undang-undang memakai topi keledar itu.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Perangkaan kemalangan jalanraya yang melibatkan penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal semenjak peraturan-peraturan yang mewajibkan pemakaian topi keledar dikuatkuasakan di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur pada 15hb Februari, 1975 sehingga bulan September 1975 berbanding dengan perangkaan pada tempoh yang sama sebelum undang-undang tersebut dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

Tempoh	Kemalangan	Kematian	Kecederaan
15-2-75 hingga 30-9-75	3,668	45	411
15-2-74 hingga 30-9-74	3,111	54	711

Daripada angka-angka di atas, nampak kepada kita bahawa sungguhpun bilangan kemalangan motosikal bertambah pada tempoh yang sama selepas penguatkuasaan undang-undang pemakaian topi keledar (khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan) kadar bilangan kecederaan dan kematian adalah berkurangan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1976

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang D'satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain-lain wang sebagaimana yang telah dibenar dikeluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— MENIMBANGKAN RANG UNDANG- UNDANG MEMBAHARUI UNDANG- UNDANG (PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN)

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membawa satu usul iaitu:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 6 iaitu Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) Selepas selesai menimbangkan perkara 2 iaitu Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini terus menimbangkan perkara 6 iaitu Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) selepas selesai menimbangkan perkara 2 iaitu Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

HILANG KELAYAKAN JADI AHLI PARLIMEN—Y.B. ENCIK FAN YEW TENG DIROJOK KEPADA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini, memandangkan sabit kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng, seorang Ahli Dewan ini bagi Menglembu, *membuat ketetapan* bahawa soal samada beliau telah hilang kelayakannya sebagai Ahli Dewan ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan Jawatankuasa itu diarah mengeluarkan penyata itu kepada Dewan ini. (31hb Oktober, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat minggu lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam sedang mengulung perbahasan; saya percaya ada sedikit lagi tambahan daripada ucapan itu. Sila teruskan sekarang.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamad bin Rahamat): Tuan Yang di-Pertua, menyambung kepada jawapan saya pada hari Jumaat mengulung usul yang sedang dibahaskan, sebagaimana yang saya tegaskan bahawa usul ini dibawa bagi membolehkan Dewan ini mengemukakan masaalah kelayakan Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng sebagai Ahli Dewan ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menimbangkannya dan membuat penyata kepada Dewan ini untuk diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan daripada pihak Kerajaan untuk menganiaya kepada Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng, malahan usul ini dibawa untuk memelihara kepentingan dan kesucian Dewan ini serta untuk mempertahankan demokrasi dan kemuliaan Perlembagaan sendiri. Saya rasa adalah tidak wajar bagi Dewan ini mempunyai seorang Ahli yang telah sabit kesalahannya dan dihukum denda yang mana dengan kesalahan dan hukuman itu sesuai dengan Fasal 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan, beliau hilang kelayakan menjadi Ahli Dewan untuk terus duduk di dalam Dewan ini dan menerima segala hak dan faedah-faedah yang ditentukan kepada mana-mana Ahli Dewan. Tambahan pula adalah tidak wajar bagi pengundi-pengundi di kawasan Menglembu terus diwakili oleh seorang wakil rakyat yang telah sabit kesalahan dan dihukum oleh mahkamah. Maka dengan sebab itu bagi mempertahankan kesucian Perlembagaan dan demokrasi dan bagi menjaga kepentingan pengundi-pengundi di kawasan Menglembu yang berjumlah hampir 50,000 orang supaya perkara ini diserahkan dengan seberapa segera kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menimbangkannya dan seterusnya Jawatankuasa itu diminta dengan seberapa segera untuk menyerahkan penyata kepada Dewan ini dengan seberapa segera juga bagi diputuskan.

Kesalahan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan, 1948 dan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya menunjukkan bahawa kesalahannya itu adalah sangat berat.

Kita semua masih ingat bahawa peristiwa 13hb Mei, 1969 adalah peristiwa yang dicituskan oleh kerana adanya hasutan yang melampaui batas daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang sengaja hendak menimbulkan huru-hara di negara kita ini.

Kita tidak mahu peristiwa yang serupa itu timbul lagi di negara kita dan kita mahukan sesiapa sahaja yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan dibawa ke pengadilan dan dihukum. Inilah cara yang kita fikir boleh mengekalkan keamanan di negara kita ini.

Saya suka juga memaklumkan kepada Dewan ini bahawa pada masa-masa ke

hadapan sesiapa sahaja Ahli-ahli Dewan, baik daripada pihak Pembangkang mahupun daripada pihak Kerajaan yang melakukan kesalahan dan dihukum yang mana kesalahan dan hukuman itu boleh menghilangkan kelayakannya sebagai Ahli Dewan apabila sahaja Mahkamah Tinggi menolak sebarang rayuan yang dibuat olehnya di atas kesalahan yang dilakukan olehnya dan yang boleh menghilangkan kelayakannya sebagai Ahli Dewan, maka perkara itu akan dikemukakan kepada Dewan ini dengan sertamerta untuk diputuskan sesuai dengan kehendak Fasal 53 Perlembagaan Persekutuan. Tujuannya ialah bagi mengelakkan lamanya masa diambil bagi menentukan kedudukan seseorang yang hilang kelayakan sebagai Ahli Dewan yang sabit kesalahan dan dihukum menurut Fasal 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan sebagaimana masalah yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara kepentingan Dewan ini, kepentingan para pengundi di Menglembu dan lebih-lebih lagi kepentingan demokrasi dan Perlembagaan Negara, saya suka menyebutkan bahawa Kerajaan menolak cadangan daripada pihak Pembangkang supaya usul ini ditarik balik.

Seterusnya, saya kemukakan balik usul yang ada di hadapan kita kepada Dewan ini untuk dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, memandangkan sabit kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng, seorang Ahli Dewan ini bagi Menglembu, *membuat ketetapan* bahawa soal samada beliau telah hilang kelayakannya sebagai Ahli Dewan ini hendaklah dirojokkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan Jawatankuasa itu diarah mengeluarkan penyata itu kepada Dewan ini.

RANG UNDANG-UNDANG LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan

Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan bahawa satu Akta bernama Rang Undang-undang Lalulintas (Pindaan), 1975 dibacakan kali yang kedua.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur. Satu Firma Perunding telahpun dilantik untuk mengkaji sistem pengangkutan awam di ibu negara ini supaya tindakan dapat diambil untuk menggalakkan kegunaan pengangkutan awam. Perunding ini adalah ditugaskan juga membuat rekabentuk bagi memperbaiki jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur. Serentak dengan kerja-kerja itu adalah didapati perlu untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 yang ada sekarang supaya sesuai dengan kehendak-kehendak di Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, tujuan utama pindaan ini ialah untuk memberi kuasa kepada Datuk Bandar Wilayah Persekutuan untuk membolehkan beliau menguatkuasakan sebahagian daripada undang-undang lalulintas bagi mengawal hal ehwal lalulintas di Wilayah Kuala Lumpur iaitu:

(a) Memberi kuasa kepada Datuk Bandar untuk menubuhkan yunit Trafik Warden yang akan mempunyai kuasa seperti Polis di bawah Undang-undang Lalulintas Jalan, 1958. Tujuan utama yunit ini ditubuhkan ialah untuk memberikan tugas Polis bagi menguatkuasakan. Undang-undang Lalulintas Jalan di Wilayah Persekutuan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh kekurangan Polis di Wilayah Kuala Lumpur untuk menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas Jalan dengan lebih keras. Dengan penubuhan yunit Trafik Warden di Dewan Bandaraya, adalah di jangka bahawa penguatkuasa Undang-undang Lalulintas di Wilayah Persekutuan akan menjadi lebih keras dan berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedia maklum bahawa yunit Trafik Warden ini telahpun ditubuhkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Namun demikian, pada masa sekarang Trafik Warden itu hanya mempunyai kuasa

menguatkuasakan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Datuk Bandar yang mana di antaranya :

1. Road Traffic Ordinance (Provision of Parking Spaces) (Federal Capital) 1969;
2. City of Kuala Lumpur (Park) By-Laws, 1972; dan
3. Kuala Lumpur (Learner Drivers) (Restrictions on use of Roads) Order, 1969.

Dengan pindaan yang dicadangkan trafik warden akan diberi kuasa Polis di bawah Ordinan Lalulintas dan ini termasuk memerintah kereta-kereta yang rosak di tengah-tengah jalanraya ditarek kepada suatu tempat lain dan kos untuk membuat demikian dikutip balik dari pemandu kereta itu.

- (b) Memberi kuasa kepada Datuk Bandar untuk menghadkan dan melarang kelas-kelas tertentu kenderaan-kenderaan daripada masuk ke kawasan-kawasan tertentu di dalam Wilayah Persekutuan.

Seksyen 61A mencadangkan di antara lain memberi kuasa kepada Datuk Bandar dengan persetujuan daripada Menteri, mengenakan bayaran kepada kenderaan-kenderaan yang mempunyai kurang daripada 4 orang penumpang. Tujuan pindaan ini ialah untuk menggalakkan kegunaan kenderaan pengangkutan awam dan memberi ketutamaan kepada "High Occupancy Vehicles". Adalah diharap bahawa dengan langkah ini bilangan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalanraya-jalanraya di Kuala Lumpur itu akan dikurangkan.

Salah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan juga sistem pengangkutan awam di Wilayah Kuala Lumpur ialah untuk mengadakan perkhidmatan Mini Bas. Mengikut siasatan yang telah dijalankan oleh Jurutera Perunding, bilangan bas biasa yang ada sekarang ini tidaklah mencukupi dan memandangkan kepada kesesakan lalulintas di jalan-jalanraya Mini Bas adalah didapati lebih sesuai. Pindaan kepada seksyen 93 (1), 93 (2) dan 93 (3) bertujuan membenarkan

Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengeluarkan lesen-lesen untuk perkhidmatan Bas Mini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukacita saya menegaskan bahawa Mini Bas yang ada pada masa sekarang ini telah dilesenkan sebagai bas-bas biasa buat sementara. Satu jumlah sebanyak 73 lesen telahpun dikeluarkan kepada operator-operator mini bas ini untuk menjalankan 214 buah mini bas. Dari jumlah ini 49 buah mini bas telahpun didaftarkan dan sedang menjalankan perkhidmatan di kawasan Wilayah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Perkhidmatan mini bas ialah satu tambahan kepada sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan adalah diharap bahawa lebih banyak orang akan meninggalkan kereta-kereta mereka di rumah dan menggunakan mini bas pergi ke pejabat. Dengan demikian adalah diharap bahawa kesesakan lalulintas di Wilayah Kuala Lumpur dapat dikurangkan.

Pindaan kepada seksyen 45A (2) bertujuan membolehkan supaya tarikh tertentu dinyatakan dalam borang saman Polis untuk seorang pesalah itu mengkompaun kesalahan mereka. Pada masa sekarang ini pesalah boleh meminta kesalahan mereka di kompaunkan pada bila-bila masa sebelum tarikh ianya dikehendaki hadir di Mahkamah. Ini adalah menyebabkan timbul masalah dari segi pentadbiran.

Pindaan kepada seksyen 70A (1), 70A (2), dan pengujudan seksyen baru 70A (5) dan 70A (6) adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Menteri mengenai jalan-jalanraya Persekutuan dan pihak berkuasa tertentu terhadap jalan-jalanraya yang lain, menghalang "access" ataupun keluar masuk bagi kenderaan ke mana-mana jalan itu kecuali di tempat-tempat yang telah ditentukan. Pindaan ini juga bertujuan mengawal pembinaan "access road" ke jalan-jalanraya dan juga memberi kuasa kepada Menteri untuk menutup "access road" yang ada dan membina jalan penggantinya jika perlu. Seksyen baru 70A (6) memperuntukkan hukuman kepada sesiapa yang telah didapati salah atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat yang diberi oleh seksyen-kecil (1), (2) dan (3) itu. Pindaan ini adalah perlu untuk menjamin menafaat ataupun faedah

pelaburan-pelaburan Kerajaan dalam pembinaan jalan-jalanraya supaya jalan-jalan yang dibina itu tidak akan menjadi sesak sebelum sesuatu masa sebagaimana yang dicadangkan.

Pindaan kepada seksyen-seksyen 125 (2) dan 132 dicadangkan bagi membolehkan supaya penggantungan dan pembatalan lesen-lesen pengangkutan berkuatkuasa serentak dengan tarikh penggantungan ataupun pembatalan itu samada rayuan dibuat atau tidak. Mengikut peraturan yang ada sekarang lesen yang digantung atau dibatalkan itu terus hidup hingga rayuannya ditolak dan ini telah memberi kesempatan kepada mereka yang lesennya dibatalkan menggunakan tempoh rayuan itu untuk terus melakukan kesalahan oleh sebab lesennya itu dibatalkan, dan dengan cara ini tindakan kuatkuasa terhadap mereka tidak memberi apa-apa kesan. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, lesen yang dibatalkan tidak boleh digunakan di dalam tempoh rayuan itu dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.56 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungei Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang dinamakan suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958.

Mula-mula sekali saya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah memikirkan masalah lalulintas yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, kelambatan lalulintas telah menjadi sebahagian kehidupan kita. Seseorang itu hendaklah menerimanya dengan baik seperti satu penyakit dalam tubuh badan. Masalah-masalah traffic kian bertambah setiap hari kerana jalan-jalan dan lorong-lorong baru dibina tanpa kesudahan, tetapi perkara yang malang ialah melihatkan keadaan yang kita tidak dapat hendak menyelesaikan masalah-masalah jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, traffic jam adalah pengalaman harian dalam kehidupan kita, apa yang boleh kita buat. Ya, tentu sekali kita boleh berbuat sesuatu cara pemikiran dan kita hendaklah progresif untuk merancang dan menyusun. Kita adalah sebagai satu badan bagi menyelesaikan keperluan-keperluan 50 tahun ke hadapan. Saya tiada mengerti apa salahnya pada sebilangan waktu dan siapa yang hendak disalahkan kerana kekurangan daya pemikiran, tiap-tiap jalanraya yang dirancang di dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita hari ini penuh sesak dengan kereta-kereta. Keadaan dua kurun yang silam dengan jalan-jalan yang lebih kecil dari yang ada pada hari ini tiada menimbulkan masalah. Tetapi hari ini dengan viaduct yang menyambungkan lalulintas dari utara ke selatan, jalan-jalan merentas dan banyak lagi pembinaan-pembinaan yang lain tiada langsung dapat menyenangkan masalah-masalah jalan.

Sistem lalulintas kita dengan perlahan-lahan menunjukkan kita tiada layak mengatasi kejadian-kejadian itu. Jalan-jalan, bulatan-bulatan di dalam dan di sekitar Kuala Lumpur menunjukkan satu ketinggalan zaman yang telah menjadi pusat-pusat traffic jam yang mudah. Lampu-lampu isyarat kita satu lagi menyusahkan. Polis lalulintas yang kurang bilangan dan kemudahan-kemudahan menderita saban hari untuk menyelesaikan keadaan buruk lalulintas.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan anggota sahaja tidak akan menyelesaikan keadaan ini. Kemajuan dalam cara berfikir, perancangan dan penyelidikan telah membuktikan kejayaan di dalam negeri-negeri barat yang lain. Jalan-jalan yang dirancang dengan baik, peraturan-peraturan lalulintas yang tegas, perhubungan lalulintas yang berterusan, pusat-pusat mengawal lalulintas, bimbingan kepada Polis lalulintas yang bertugas untuk mengatasi keadaan hendaklah diberikan serta-merta. Ini hanya dilaksanakan untuk mengatasi sebarang kemungkinan sekiranya kita mengadakannya. Yunit-yunit kawalan lalulintas pusat dan daerah untuk menggalakkan lalulintas kepada tempat-tempat yang tiada sesak, kalau hanya dengan mengadakan Polis Lalulintas yang cantik tiada akan dapat menyelesaikan masalah-masalah kita, tetapi kita akan dapat lebih masalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan baru dalam seksyen 61A memberikan kuasa kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur mengenakan sekatan ke atas kereta-kereta yang tertentu memasuki Wilayah Persekutuan atau dikenakan bayaran ke atas kejadian-kejadian itu. Sekiranya ini benar, Datuk Bandar Kuala Lumpur hendaklah juga diberi kuasa menahan semua bentuk kereta yang memasuki Wilayah Persekutuan dan meminta mereka membayar cukai jalan tambahan untuk memasuki Wilayah itu. Dalam keadaan inflasi yang ada sekarang dan jumlah cukai yang dibayar oleh orang-orang biasa yang memiliki kereta tentulah akan menambahkan bebanan mereka sekiranya cukai tambahan itu dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah salah kiranya menganggap semua pemilik motokar sebagai orang-orang kaya. Mempunyai kereta pada masa ini hanya sebagai satu langkah yang memberikan kesenangan. Tiap-tiap pemilik kereta bukanlah kaya. Dengan memberikan kuasa kepada Datuk Bandar, saya yakin kebanyakan kereta akan berhenti memasuki Kuala Lumpur. Dengan masalah-masalah kenderaan yang sedang wujud di negara kita sekarang, penyekatan ke atas kereta-kereta akan mengakibatkan keadaan yang buruk kepada pengangkutan kita di dalam bandaraya.

4.00 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian atas Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) dan saya minta izin memberi ucapan dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bila hendak berucap dalam bahasa Inggeris?

Tuan Farn Seong Than: Sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat pandai dalam Bahasa Malaysia, teruskan dalam Bahasa Malaysia!

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, saya buat ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain kali buat dalam Bahasa Malaysia dahulu!

Tuan Farn Seong Than: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi teruskan dalam Bahasa Malaysia!

Tuan Farn Seong Than: Teruskan tidak boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Macam mana tidak boleh, kalau tidak dapat izin, macam mana? Tak dapat bercakaplah.

Tuan Farn Seong Than: Saya prepared text ini dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Text dalam bahasa Inggeris, tetapi ucapan dalam Bahasa Malaysia, yang saya pentingkan ucapan.

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, sekarang dalam bahasa Inggeris, lain kali saya akan berucap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, campur boleh, kali ini sahaja!

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Farn Seong Than: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, as this Amendment Bill seeks to confer powers upon the Datuk Bandar to appoint traffic wardens who will be given powers of the police under the Road Traffic Ordinance, 1958, in dealing with traffic offences committed within the Federal Territory in this respect, it appears to me that when this Bill is passed, the Datuk Bandar will assume the duties of a Chief Police Officer as well, apart from his many other administrative responsibilities. Firstly, I wish to make it clear that I have no objection to the powers conferred on the Datuk Bandar, or the wardens appointed by him. However, I have some observations and comments to make.

In my humble opinion, the appointment of traffic wardens by the Datuk Bandar to deal with traffic offences within the Federal Territory, will in one way or another duplicate the duties and responsibilities of the traffic police. As far as I know, there is already a special section of traffic police in the City Police Department. I wonder why there is a need for traffic wardens when we

have the city traffic police to do the job. I feel that this is sheer duplication of duties and redundancy altogether. If this is introduced because there is a shortage of traffic police personnel in the city, then what the City Police Department should do is to recruit more members. The fact that these traffic wardens were hastily introduced in Kuala Lumpur—I understand most of them have barely less than a month of training in the Police Depot—does not in any way make them efficient enough to carry out their duties effectively. It appears that these traffic wardens of City Hall are only trained to book motorists for the slightest traffic mistake, and they are not trained to help members of the public to cope with the ever-increasing traffic problems, like traffic jams, which are usually the results of poorly-planned road systems and the inadequacy of traffic police control. Mr Speaker, Sir, more often than not there is no police or traffic wardens to control traffic whenever there is a breakdown of the traffic light system in various parts of the city, thereby causing a chaotic situation resulting in dreadful traffic jams. It is also quite common to see five to six traffic police personnel looking helplessly at traffic jams at some of the roundabouts during peak hours. Though they have gadgets like walkie-talkies but they just cannot control the situation. Perhaps they were not sufficiently trained to coordinate with one another, or maybe the present road system with roundabouts is not suitable at the present time with the increasing car population. It is hoped that with the recruitment of more traffic wardens they will be given up-to-date technical training on traffic control with proper co-ordination with the traffic police.

Mr Speaker, Sir, Section 55 (3) authorises a police officer or traffic warden to tow away or remove any vehicle which has, as a result of an accident or any other cause, broken down or has been permitted to remain at rest on a road in such a position or condition as is likely to cause obstruction, danger or inconvenience to other road users. Sir, I agree that it is proper to introduce this section. However, I hope that the officers or traffic wardens on duty should exercise more discretion and understanding before towing away the cars, because since the introduction of the tow-away car service by the Dewan Bandaraya recently, many unfortunate car owners, who have their cars broken down for

one reason or another, complained that their cars were towed away indiscriminately. As such they have to pay a fee of \$50 for the so-called tow service which sometimes is not necessary if only the officers or traffic wardens on duty exercise a bit of patience and discretion. Sir, in one instance, a motorist's car was towed away by the City Hall officials when his car was parked for a while along the road-side of Jalan Tuanku Abdul Rahman after his car had a minor mechanical fault, even though he had pleaded and assured the officers that he had asked his friend to send for a mechanic and explained that his car was in no way causing any traffic obstruction. Unfortunately, the officers refused to listen to reason and towed the car away to some unspecified destination. A few minutes after the car was towed away, his friend came with the mechanic, who later confirmed that the mechanical fault did not require more than ten minutes to repair.

Later, when the car owner and his friend went to the High Street Traffic Police Station to report and collect the car, he was told to collect the car at the Jalan Cheras Municipal Workshop. When they arrived at Cheras by taxi, they were told to collect the car at the City Hall Office in Jalan San Peng. By the time they reached Jalan San Peng, it was 9.00 p.m. and they were told to come back the next morning because the officer on duty was off at 4.00 p.m. The next morning they were asked to pay the so-called service charge of \$50 to an officer at the Cheras Workshop before his car could be cleared at the Jalan San Peng Office on the production of the payment receipt issued at the Cheras Workshop. After all this shuttling from one place to another the unfortunate car owner spent more than \$90 including taxi fares plus all the inconvenience and the time wasted.

Sir, it is quite reasonable to tow away a car if traffic obstruction is caused, but why a heavy fine of \$50 and all the unnecessary inconvenience members of the public have to bear? After all, motorists pay road tax annually and the Government collects huge revenues from motorists on motor insurance, petrol, lubrication oil and motor spare parts. As such, I hope the authorities concerned will give motorists a better deal by charging \$15 instead of the \$50 as towing fees for broken-down cars. Furthermore, it is my ardent hope that officials of the City Hall and the police should be well-equipped with correct

information as to where the cars are towed away and they should also be trained in proper manners, so as to avoid the image of the authorities being tarnished further by some of these inconsiderate officials, as well as to prevent unnecessary inconvenience to members of the public.

Sir, under Section 61A (1) and (2) which empowers the Datuk Bandar to restrict and impose fees on vehicles driving into certain areas within the Federal Territory, I hope this would not be enforced too hastily, until such time when the public transport system is adequate, efficient and cheap enough to accommodate the growing population within the Wilayah Persekutuan. If not, a great deal of inconvenience and economic hardship would be caused to the commuters, regardless of whether they are salesmen, businessmen or ordinary office workers. I would, therefore, urge the Datuk Bandar and the Honourable Minister of Transport to study the matter carefully before enforcing this new section in the Federal Territory.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat langsung tidak bercakap dalam Bahasa Malaysia. Boleh cuba!

Tuan Farn Seong Than: Last paragraph, Sir. In conclusion, I wish to congratulate the Honourable Minister of Transport and Works in introducing the mini bus service in the Federal Territory to solve the shortage of public transport service. However, I hope more mini buses will be issued in the near future to serve more areas, particularly the kampungs and new villages where commuters depend very much on cheap public transport.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat dari Kepong—sebelum Ahli Yang Berhormat mulakan ucapan, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa perbahasan dalam Majlis yang mulia ini akan memberi kerjasama dan tidak menggunakan perkataan yang walaupun dianggap unparliamentary tetapi boleh difikirkan tidak sesuai dengan kemuliaan dan ketinggian mutu darjah perbahasan dalam Majlis ini. Saya harap dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

4.11 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi jaminan iaitu saya akan bekerjasama dengan Tuan Yang di-Pertua atas Rang Undang-undang ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, lalulintas (traffic) di Kuala Lumpur boleh dikatakan makin bertambah chaos. Pada masa dahulu dikatakan pada waktu pukul 7.30 hingga 8.00 pagi sahaja traffic jam dan dari pukul 4.00 hingga 4.30 petang sahaja traffic jam. Tetapi sekarang sekiranya kita mempunyai kereta dan berjalan di Kuala Lumpur kita dapati tiap-tiap jam ada berlaku traffic jam. Misalnya pada pukul 6.00 petang. Kalau tidak percaya lihat pada pukul 6.00 petang semasa kita balik pun berlaku traffic jam. Saya bukan hendak mengatakan ini kesalahan Kerajaan sahaja tetapi jalan dan lorong yang dibina di Kuala Lumpur ialah untuk kereta lembu sahaja tetapi sekarang telah ada Mercedes—Benz 600, Chevrolet yang besar-besar dan tentulah

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Termasuk Yang Berhormat sendiri. (*Ketawa*)

Dr Tan Chee Khoon: Saya tidak mempunyai Chevrolet atau Mercedes 600 tetapi kecil sahaja iaitu Mercedes 190 D.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh mengambil langkah untuk membaiki traffic di Kuala Lumpur ini. Saya bersetuju dengan langkah-langkah yang dikehendaki oleh Datuk Bandar untuk membaiki traffic di Kuala Lumpur ini. Saya bersetuju dengan Section 61A yang menyatakan:

“16A. (1) Without prejudice to section 61 the Datuk Bandar may, with the concurrence of the Minister, by order published in the *Gazette*, prohibit or restrict or impose fees for the driving or use of any

class or description of vehicles, or vehicles with such number of passengers as may be specified along any road, or along roads within any area in the Federal Territory.

- (2) Where the prohibition or restriction is subject to the payment of fees, the Datuk Bandar shall in the order specify the fees payable and the manner of collection."

Pada pendapat saya langkah ini diambil untuk mencegah kereta dari memasuki bandar Kuala Lumpur dan kita hendak mengikut sistem yang ada di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan ini tidak menunjukkan masa kereta tidak boleh memasuki Kuala Lumpur. Saya berharap restriction bukan untuk seluruh 24 jam tetapi untuk masa yang mana Datuk Bandar fikir ada maximum traffic (traffic jam) dan pada masa itu tentulah kita tidak berkehendak kereta yang berlebihan memasuki bandar Kuala Lumpur. Di samping itu saya berharap sebelum pindaan ini dikuatkuasakan Datuk Bandar akan mengambil atau menyediakan semua langkah-langkah supaya penumpang-penumpang yang sekarang tidak boleh membawa kereta ke Kuala Lumpur mempunyai transport untuk mereka pergi ke pejabat masing-masing. Mengikut pengalaman di Singapura pada mula-mulanya apabila tiada orang yang hendak menggunakan bas-bas yang mengambil penumpang dan pada masa sekarang saya berpendapat kadang-kadang ada penumpang tetapi tidak ada mini bas. Saya berharap Datuk Bandar boleh menyediakan mini bas yang mencukupi supaya penumpang yang sampai di outer ring boleh menggunakan bas mini dengan tidak payah membuang masa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya berharap agar Datuk Bandar boleh mengecualikan beberapa orang yang perlu. Saya berpendapat di Singapura Kerajaan Singapura tidak mengecualikan doktor untuk menggunakan kereta memasuki bandar. Saya hendak memberitahu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kala doktor ada medical emergency dan walaupun ada larangan di sana sini, Datuk Bandar boleh mengecualikan seorang doktor untuk memasuki bandar tanpa kebenaran.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, this is because medical emergencies are difficult to anticipate and, in some cases, it is necessary to be in a real hurry in order to save lives.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, I hope that the Government and the Dewan Bandaraya will also take other steps. Time and again in this House, I have asked the Government to build bypass roads. We have been told this and that, but we have yet to see a truly bypass road, so that passengers going from South to North, for example, do not have to use Jalan Pekeliling or do not have to come into the heart of the town to go up North; and passengers coming from the West going to the East do not have to go through the town but can skirt along the outskirts of the town to go to the East.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, I hope that the Dewan Bandaraya will take active steps to get rid of some of our "bulatan" (roundabouts). They are in some cases the cause of the traffic jams in the town and whether you build overhead bridges or whether you install traffic lights, I leave it to the people who are more qualified than I to suggest whatever measures that are necessary. But all that I can say is that motorists tear their hair with rage when they approach a roundabout and have to go and wait and sometimes take even half an hour to get past a roundabout.

Mr Speaker, Sir, I do hope that in the implementation of these laws, the Dewan Bandaraya, as has been pointed out by the Honourable Member for Sungai Besi, will implement these laws with a little common sense and will not do the things that have been alleged by the Honourable Member for Sungai Besi.

4.20 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam membincangkan Akta Lalulintas Jalan, 1975 yang akan memberi kuasa-kuasa tertentu kepada Datuk Bandar dengan membawa beberapa pendapat saya untuk pandangan pihak yang berkuasa. Akta yang dibentangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, dikemukakan kerana kesedaran pihak yang berkuasa bahawa sistem untuk mengawal lalulintas yang ada sekarang tidak

lagi memadai dan juga barangkali kerana bilangan kereta dari sehari ke sehari, sebulan ke sebulan bertambah-tambah, dan selain daripada itu pembangunan bandaraya Kuala Lumpur sangat pesat, di luar dugaan Town Planning, maka dengan kerana itu timbullah kesesakan.

Saya berpendapat bahawa dengan berjalan kuatkuasa Akta ini setelah diluluskan, tetapi dengan pihak berkuasa tidak mempunyai inisiatif dan tidak mempunyai fikiran yang kreatif maka akan berterusan kelak kesesakan jalan itu berlaku walau dengan adanya kawalan-kawalan yang kita buat. Dengan sebab itu, saya suka lah meminta dan mengharap kepada pihak yang berkuasa dapat menjalankan satu-satu cara supaya kesesakan itu dengan adanya kuasa-kuasa yang diberi akan dapat diatasi kalau pun tidak diatasi seratus-peratus, tetapi dapat dikawal supaya orang-orang yang menggunakan lalulintas tidak akan jadi sebagaimana kesibukan sekarang. Misalnya, kita dapati banyak di Kuala Lumpur ini tempat-tempat menyimpan kereta yang boleh menyimpan kereta di antara 70 atau 100 buah, tetapi kalaulah pihak yang berkuasa mendirikan di kawasan yang tersebut, bangunan 5-6 tingkat atau lebih, khas untuk menyimpan kereta, dan dikenakan pula bayaran, maka tentulah bukan hanya boleh menyimpan kereta 100 buah, macam mana keadaan sekarang di dalam tempat-tempat yang tertentu itu, tetapi 5-6 kali dari bilangan itu boleh digunakan untuk menyimpan kereta, dan banyak tempat seperti itu boleh didapati di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, kita dapati juga kawasan yang membazir di perantaraan Sungai Gombak, di pusat bandar Kuala Lumpur. Kalaulah pihak berkuasa mempunyai satu rancangan di perantaraan sungai itu diadakan tempat menyimpan kereta, beribu-ribu kereta boleh disimpan di situ.

Saya suka membawa perhatian pihak yang berkenaan mengenai sebab-sebabnya berlaku kesesakan terutama di jalan-jalan yang besar seperti Jalan Bandar. Saya dapat tahu bahawa lori-lori yang beratnya lebih 1½ tan membuat kerja punggah-memunggah di tepi-tepi Jalan Bandar, di kedai-kedai dan gudang-gudang di Jalan Bandar. Tindakan patutlah diambil bagi melarang lori yang berat lebih dari 1½ tan masuk ke kawasan bandar. Lori-lori itu hendaklah diberikan tempat ataupun lapangan-lapangan

khas, kerana perkara ini senang dibuat. Jalan-jalan yang boleh masuk ke bandar Kuala Lumpur daripada serata tempat hanya 4 jalanraya sahaja. Kalau hendak pergi ke Utara dan Ipoh dan Pulau Pinang melalui Jalan Ipoh, kalau hendak pergi ke Seremban atau ke Selatan melalui Jalan Cheras dan kalau hendak pergi ke Pahang iaitu ke Pantai Timur melalui Jalan Pahang dan selain dari itu kalau hendak pergi ke Port Kelang mengikut Federal Highway. Kalaulah pintu-pintu jalan itu, katalah di lingkungan 20 batu dari bandar, dibuatkan 4 tempat lapangan khas; semua lori yang hendak masuk ke Kuala Lumpur menjalankan kerja punggah-memunggah barang menggunakan gudang-gudang ataupun kawasan-kawasan yang ditentukan pada 4 buah pintu masuk itu; dan lori-lori kecil 1½ tan boleh mengambil barang-barang itu untuk memunggah ke kedai-kedai dan gudang-gudang di dalam bandar. Pengecualian hanya dibenarkan kepada lori-lori yang membawa muatan terus untuk pergi ke Ipoh, ke Seremban atau ke Pahang, masuk melalui bandar. Lori-lori yang ada kerja-kerja punggah-memunggah janganlah dibenarkan masuk. Ini satu cara dan satu jalan yang boleh mencegah kesesakan. Dan jua jangan dibenarkan masuk ke bandar atau menggunakan jalan-jalan bandar, semua kereta seperti kereta lembu, kereta kuda, beca dan sebagainya kerana dengan kereta-kereta itu berjalan sebegini lambat maka didapati kesesakan jalan; kita dapati kereta bertunda-tunda mengekori kenaikan-kenaikan tersebut. Juga pihak berkenaan hendaklah memikirkan, bukan hanya dengan mengadakan zebra-crossing sahaja atau mengadakan titian di atas sahaja, macam yang ada sekarang, tetapi juga patut diadakan jalan di bawah tanah (sub-way).

Kita dapati sekarang jalan yang dibuat iaitu macam titian di atas tidak begitu digunakan oleh pihak berkenaan, tetapi kalau diadakan jalan di bawah tanah, saya fikir sebagaimana keadaan bandar-bandar besar di lain-lain negeri kita akan dapat mengurangkan kesesakan jalanraya. Zebra-crossing, misalnya pada masa sekarang ini, kita lihat pihak berkuasa menempatkan beberapa pegawai untuk bertugas. Apa yang kita saksikan sekarang, setidak-tidaknya saya sendiri saksikan, semakin ada pegawai bertugas, semakin ada kesesakan. Ini disebabkan oleh kerana kita mempunyai sistem lalulintas yang dipanggil "green wave system" di mana kalau satu jalan itu lampu hijau.

semuanya hijau, tetapi di antara lampu hijau itu ada zebra-crossing. Pegawai yang bertugas itu memberhentikan kereta-kereta dengan membenarkan orang menyeberang tetapi di sebelah sana lampu hijau. Dengan sebab itu, berderet-deret kereta daripada zebra-crossing itu sehingga ke lampu hijau di belakang; dengan tidak ada pegawai yang bertugas itu memikirkan bahawa lampu isyarat yang hanya 20-30 ela daripada zebra-crossing dan pada masa itu juga menunjukkan warna hijau. Perkara ini boleh didapati berlaku di hadapan Jalan Melaka, berhampiran dengan Bank Bumiputra.

Saya perhatikan juga, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada kereta-kereta orang-orang kenamaan menggunakan jalanraya maka adalah outrider dengan semboyannya. Ini memang perlu supaya dapat orang-orang kenamaan itu menggunakan jalanraya kita tanpa gangguan. Apa yang saya fikir patut diawasi ialah outrider-outrider yang bermotosikal berjalan di depan kereta-kereta VIP itu janganlah menggunakan cara-cara sekarang; iaitu kadang-kadang apabila kita memandu kereta dia datang dengan semboyannya dengan memberi isyarat kepada kita suruh kita ke tepi. Ada kalanya kita sendiri terperanjat, entah apa kesalahan yang kita telah lakukan, kita terbrek kereta, kereta di belakang hentam pula belakang kereta kita dan ini mendatangkan kesesakan lae. Kalaupun mereka ini bertugas dengan segala cermat dan memberi isyarat kepada kita bukan dengan cara terburu-buru itu, maka saya fikir dapatlah kerja-kerja mengawasi kesesakan itu dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa pandangan kepada pihak yang berkuasa ialah berkenaan dengan papan-papan tanda dan juga perhentian-perhentian bas. Ada papan-papan tanda didirikan di tempat-tempat di mana susah seseorang pemandu kereta hendak melihat apa yang di sebelah papan tanda itu. Begitu juga perhentian-perhentian bas diadakan di tempat-tempat yang sempit dan kalau bas itu berhenti boleh terjadi pelanggaran (accident) dan sebagainya. Di sini baik pihak yang berkuasa membuat ingatan sebagaimana saya tahu Jabatan Keretapi iaitu ada satu Jawatankuasa; bila hendak menentukan sesuatu pedoman maka Jawatankuasa itu bersidang. Jawatankuasa ini meneliti segala aspek samada tempat yang hendak ditaruhkan papan tanda ataupun

tempat yang hendak ditaruhkan tempat perhentian bas itu akan mendatangkan obstruction kepada pemandangan pemandu-kereta. Dengan jalan ditentukan terlebih dahulu saya percaya dapat mengelakkan perkara-perkara yang saya katakan tadi tidak terjadi.

Saya minta kepada pihak yang berkuasa supaya jangan suka menjadi pak turut sahaja, iaitu kalaulah misalnya di sebuah negara jiran kita cara itu baik, esok atau lusa kita pula hendak buat. Baru-baru ini sudah tersiar berita bahawa kita pula hendak mencegah ataupun melarang kereta-kereta yang masuk ke Kuala Lumpur kalau kurang daripada dua orang akan dikenakan pula bayaran. Di sini soalnya samada pihak yang berkuasa mengenakan bayaran dengan tujuan hendak menambahkan pendapatan atau hasil, ataupun membuat cegahan-cegahan itu kerana hendak mencegah supaya orang-orang jangan masuk menggunakan kereta kalau ada public transport ke bandar. Kalaulah kerana hendak mencegah orang-orang daripada masuk ke Kuala Lumpur, kalau ada public transport, bukan dengan dikenakan bayaran; kalau kita bawa kereta satu orang sahaja maka dikenakan, katakanlah \$10 atau \$15 kerana pihak yang berkuasa patutlah faham bahawa mengenakan bayaran itu bukan boleh mencegah sesuatu perbuatan itu dilakukan.

Misalnya, dahulu kita memikirkan kalau dikenakan cukai berlebih-lebihan membeli kereta boleh jadi kurang orang membelinya, hinggakan sesebuah kereta yang dahulunya berharga \$5,000 sekarang \$15,000; lagi bertambah-tambah orang membeli kereta hingga hendak membeli kereta kena masuk dalam waiting list hingga sampai 6-7 bulan sungguhpun harga kereta itu 3 kali ganda daripada dahulu. Jadi, kalau dikenakan bayaran untuk orang masuk ke Kuala Lumpur, saya fikir itu akan terus dibayar oleh orang dan kesesakan akan terus terjadi. Tetapi apa yang mustahak ialah cara-cara, yang separuh daripadanya sudah saya sentuh itu, dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa dan pihak yang berkuasa pula, dalam masa menjalankan kuasanya yang akan diberi itu, hendaklah dijalankan dengan segala ketegasan.

4.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi pandangan atas Rang Undang-undang ini dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dihargai bahawa Datuk Bandar sedang mengambil minat yang lebih di dalam perkara melaksanakan peraturan-peraturan lalulintas di Wilayah Persekutuan dan telah memutuskan untuk melatih Pengawas-pengawas Lalulintas membantu Polis Lalulintas dalam pelaksanaan Ordinan Lalulintas Jalan, 1954, akan tetapi saya ingin mendapat satu jaminan daripada Menteri yang berkenaan bahawa Pengawas Lalulintas akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Pengawas-pengawas Lalulintas bergerak di Bandaraya Kuala Lumpur aduan telah disampaikan kepada saya sebagai Wakil Rakyat bahawa Pengawas-pengawas Lalulintas itu bertindak keras ke atas orang ramai dengan tidak menggunakan kebijaksanaan (discretion) apabila menjalankan tugas mereka.

Di sini saya ingin merujuk kepada masalah memuatkan barang-barang di depan kedai-kedai perniagaan di Bandaraya Kuala Lumpur.

(Dengan izin) Tuan Speaker, very often, lorries or vans of business premises are issued with summons at a time of loading and unloading on the ground that these vehicles are causing traffic obstruction. This appears to be unfair to the business community of Kuala Lumpur which needs loading and unloading facilities for their business needs. I call on the Minister concerned, Tuan Speaker, to take note of this problem so that traffic wardens patrolling the City will be instructed not to take action against lorry drivers at a time when they are performing loading and unloading activities.

Tuan Yang di-Pertua, atas perkara lalulintas dan pelaksanaan Ordinan Lalulintas saya ingin mengatakan di sini bahawa kemudahan meletak kereta telah menjadikan satu masalah yang buruk di Bandaraya Kuala Lumpur. Ramai pemandu-pemandu kereta telah disaman oleh Pengawas-pengawas Lalulintas atas sebab

mereka meletak kereta di tempat larangan meletak kereta. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa orang-orang tersebut mahu melakukan kesalahan tetapi oleh kerana mereka berasa sukar untuk mendapatkan tempat meletak kereta maka mereka terpaksa meletak kereta di tempat larangan meletak kereta.

Memandangkan perkara ini saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan kepada masalah kekurangan kemudahan meletak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur dan mencari jalan untuk mengatasinya. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini dapat diatasi dengan pembinaan bangunan meletak kereta bertingkat (multi-storey car park) di dalam bandar untuk kegunaan orang ramai. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat mempertimbangkan cadangan saya ini.

Tuan Speaker, while also on the subject of enforcing traffic regulations by traffic wardens, I would like to raise the problem of parking facilities for taxi drivers in the City. Previously, the City Administration had provided taxi parking bays for use by taxi drivers in the City. But now these parking facilities have been withdrawn resulting in great inconvenience for the taxi drivers. I urge the Minister concerned to explain why these parking facilities for taxi drivers have been withdrawn and whether such facilities would be restored.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya merujuk kepada Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini mengenai provision of mini buses for use in the Wilayah Persekutuan. While it is appreciated that mini buses are being introduced to help improve public transport in the City, however, there is also the need to improve the services of these mini buses. For example, Tuan Speaker, there is a need for a bell system to be installed in these mini buses for use by the passengers who wish to get down at their destination. Until now, such a bell system has not been introduced for the use of these bus passengers.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini dibentangkan dengan tujuan melicinkan keadaan lalulintas dalam bandar Kuala Lumpur, saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa pengawas-pengawas lalulintas juga diberi tugas untuk menunjukkan lalulintas di simpang-simpang

jalan pada masa kemuncak (during peak hours). Kebanyakan persimpangan jalan di Bandar Kuala Lumpur sungguhpun ada lampu isyarat (traffic light), tetapi ada menimbulkan banyak kesukaran untuk melicinkan lalulintas pada masa kemuncak. Saya harap bahawa pada masa tersebut pengawas-pengawas lalulintas dapat bertugas untuk melicinkan lalulintas ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya juga ingin menyentuh seksyen baru 61A yang berbunyi:

“61A. (1) Without prejudice to section 61 the Datuk Bandar may, with the concurrence of the Minister, by order published in the *Gazette*, prohibit or restrict or impose fees for the driving or use of any class or description of vehicles, or vehicles with such number of passengers as may be specified along any road, or along roads within any area in the Federal Territory.”

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru ini adalah bertujuan melarang kenderaan persendirian memasuki pusat perniagaan (commercial centre) untuk menolong mengatasi kesesakan lalulintas.

Tuan Yang di-Pertua, sub-section 2 dalam seksyen baru ini akan bermakna pengguna-pengguna kereta yang menjalankan kereta seorang diri atau dengan dua orang penumpang akan dikehendaki membuat bayaran untuk memasuki pusat perniagaan bandar Kuala Lumpur pada masa kemuncak. Sungguhpun saya sedar keperluan untuk mengambil langkah yang positif untuk mengatasi kesesakan lalulintas dalam bandar Kuala Lumpur akan tetapi saya rasa tujuan Dewan Bandaraya ini tidak dapat dicapai kecuali orang ramai dapat jaminan bahawa mereka dapat menikmati sistem pengangkutan awam (public transport system) yang lebih baik dan cekap di bandar Kuala Lumpur. Adalah tidak adil bagi Dewan Bandaraya untuk melarang kenderaan persendirian untuk masuk ke dalam bandar Kuala Lumpur apabila sistem pengangkutan awam kita ini tidak begitu cekap dan memuaskan.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya sebagai perkhidmatan bas yang diberi oleh syarikat bas masih tidak memuaskan dan tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak orang ramai.

4.44 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya turut memberi sokongan kepada pindaan Ordinan Lalulintas, 1958 ini.

Masalah lalulintas di Wilayah Persekutuan semakin hari semakin bertambah dan pindaan-pindaan seperti yang dibentangkan ini seharusnya mendapat sambutan sebagai satu perkara yang amat kita perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau hendak dibincangkan masalah lalulintas di Wilayah Persekutuan ini memanglah terlalu banyak dan faktor-faktor yang melahirkan masalah bersangkutan dengan lalulintas itu juga terlalu banyak. Sungguhpun pindaan kepada Ordinan ini, saya rasa tidak akan menjadi satu perkara yang boleh menyelesaikan segala masalah lalulintas, akan tetapi ini haruslah diterima sebagai satu langkah yang perlu dan wajar bagi mengatasi masalah lalulintas di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan sedikit di atas beberapa pindaan kepada Ordinan ini terutamanya kepada pindaan seksyen 45 hingga 48. Seksyen 45 hingga 48 akan memberi kuasa Polis kepada pengawas-pengawas lalulintas. Tanggungjawab yang akan diberikan kepada pengawas lalulintas di bawah seksyen 45 hingga 48 saya rasa adalah satu tanggungjawab yang amat besar kerana ianya memberi kuasa-kuasa Polis kepada pengawas-pengawas lalulintas di dalam hal-hal kemalangan dan berbagai kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu kenderaan di bawah Ordinan ini.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengawas lalulintas ini di dalam menjalankan tugasnya tentulah dikehendaki mempunyai kebolehan yang diperolehi sekurang-kurangnya oleh Polis sendiri iaitu sedikit professional skill seperti membuat lapuran yang sempurna ataupun melukiskan rajah-rajah kasar mengenai kemalangan ataupun mengambil gambar dan sebagainya. Selain daripada itu mereka ini boleh juga dipanggil ke mahkamah untuk menjadi saksi-saksi di dalam tuduhan-tuduhan mengenai lalulintas. Saya berharap supaya pihak yang berkenaan dapat memberi latihan yang sesuai kepada pengawas-pengawas lalulintas ini

termasuk juga saya rasa latihan mentadbirkan orang awam supaya mereka itu betul-betul dapat menjalankan tugas dengan licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang menjadi masalah kepada lalu lintas di Wilayah Persekutuan ini, saya dapati ialah dengan tidak adanya pengarah lalulintas di tempat-tempat yang diperlukan terutamanya di masa kesibukan (peakhours), misalnya di simpang-simpang di sepanjang Jalan Ulu Klang Lama. Jalan Ulu Klang Lama itu sebenarnya masih lagi di dalam Wilayah Persekutuan. Pada tiap-tiap pagi lalulintas di simpang-simpang ini sentiasa di dalam kekecohan dan pemandu-pemandunya tidak mengikut peraturan langsung. Saya percaya kita memang kekurangan tenaga Polis di dalam hal ini dan saya rasa sesuai benar jika pengawas-pengawas lalulintas ini diberikan tugas di tempat yang berkenaan sebagai menggantikan Polis.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan kepada seksyen 73 (1) ceraihan (i) yang baru. Saya sebagai seorang yang tiap-tiap hari memandu di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan ini dan juga bagi pihak mereka yang saya percaya yang memandu tiap-tiap hari berharap benar supaya Datuk Bandar dapat menggunakan kuasanya melarang kenderaan perniagaan (commercial vehicles) yang berhenti menurunkan atau mengisikikan barang-barang di masa kesibukan (peak hours) seperti di Leboh Ampang ataupun di Jalan Bandar, Jalan Roger dan beberapa tempat lagi di masa-masa kesibukan kerana kenderaan-kenderaan seperti inilah yang didapati selalu menghalang lalulintas berjalan dengan licin.

4.50 Ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang Lalulintas yang memberi kuasa kepada Datuk Bandar dengan tujuan supaya dapat menyelesaikan serba sedikit masalah kesesakan jalanraya yang sedang meningkat bukan sahaja daripada sehari ke sehari bahkan daripada satu jam ke satu jam di dalam bandaraya

Wilayah Persekutuan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini, saya sangat tertarik hati kepada Seksyen baru 3A yang berbunyi:

“3A. The powers of the Datuk Bandar and the traffic wardens under this Ordinance shall not be exercised outside or in respect of offences committed outside the Federal Territory.”

Pada fahaman saya maknanya Undang-undang ini boleh dipakai di dalam bandaraya. Tetapi dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memahami jenis-jenis manusia yang membawa kereta dalam bandaraya ini bukan semuanya tinggal dalam bandaraya. Ramai di antara mereka datang daripada luar bandaraya—luar Wilayah Persekutuan. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menjalankan satu kempen mengajar pemandu-pemandu kereta perkara-perkara yang patut dijalankan oleh mereka supaya Undang-undang ini dapat terlaksana. Cara-cara kempen itu bukanlah seperti kempen yang dijalankan pada hari ini melalui TV yang difilemkan oleh Filem Negara seolah-olah macam melepaskan batu ditangga, tidak ada siapa orang yang hendak tengok TV cara-caranya tidak memberi pengetahuan langsung kepada pemandu. Kempen itu patut diadakan melalui Jabatan Pendaftaran Kereta sendiri yang mendaftarkan kereta tiap-tiap hari. Kalau hendak membeli kereta baharu ada risalah-risalah yang tertentu bersama-sama atau diminta daripada pihak swasta yang menjual kereta itu mengadakan risalah-risalah cara-cara bagaimana menggunakan jalanraya. Ini yang lebih efektif dan risalah-risalah ini dapat juga diberi kepada sekolah-sekolah menengah terutama sekali penuntut-penuntut berumur 17 dan 18 tahun yang sudah mempunyai lesen memandu yang hendak berhenti sekolah, mereka ini patut diberi pengetahuan cara-cara menggunakan jalanraya. Pada hari ini kalau kita perhatikan sebab-sebabnya berlaku kemalangan dan kesesakan jalanraya bukan kerana jalan itu sempit ataupun jalan itu tidak mempunyai lorong-lorong yang tertentu tetapi oleh kerana kejahilan pemandu-pemandu tidak mengetahui tata susila, sopan santun di jalanraya (road etiquette)—tidak mengerti menggunakan jalanraya. Sepatutnya dia melintas sebelah kiri, tetapi dia melintas di sebelah kanan mengikut hawa nafsu atau

suka-suka hatinya sahaja tidak menghormati antara satu sama lain, maka sebab itulah berlakunya kemalangan dan kesesakan.

Saya sangat setuju kepada pindaan yang baharu—yang ketiga masalah yang memberi kuasa bahawa kepada warden untuk memindahkan kereta-kereta yang berlaku kemalangan daripada tempat kemalangan itu. Kalau tidak berlaku sedikit tergesir sahaja dia bertengkar di tengah jalan berjam-jam tidak pedulikan kereta berbatu-batu dibelakang kerana hendak menyelesaikan masalah keretanya dahulu. Ini saya ingat pihak warden akan dapat menjalankan kuasanya dengan sungguh jujur dan ikhlas. Tujuan diadakan Undang-undang ini ialah untuk hendak merengangkan beban orang ramai, mengenai masalah penggunaan jalanraya. Kalau tidak timbul pula satu perkara yang baharu esok setelah bertambah warden-warden, bertambah pula lagi rungutan orang ramai mengenai masalah-masalah yang berlaku yang boleh menyakitkan hati. Perkara ini sentiasa berlaku pada hari ini yang mana mereka kena membayar dua kali cukai jalanraya tiap-tiap hari. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri faham apa makna yang dibayar cukai jalanraya tiap-tiap hari selain daripada yang dibayar setahun sekali.

Masalah kesesakan yang disebutkan oleh rakan-rakan saya terutama sekali yang berlaku di kawasan-kawasan perniagaan yang mana lori-lori memunggah barang-barang, menurun dan menaikkan barang-barang di depan kedai, saya berharap dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini dapat mengurangkan masalah itu. Cadangan saya ialah dengan cara menggunakan lorong belakang (back lane) tiap-tiap kedai itu. Jangan dibenarkan sebarang kereta disimpan di belakang kedai yang menjalankan perniagaan supaya lori-lori boleh memunggah barang-barang menggunakan back lane itu, bukan di hadapan kedai. Kita pun faham orang berniaga kerana kesesakan mereka itu pun rugi, tetapi inilah satu daripada caranya yang dapat mengurangkan lalulintas.

Ketiga, kesesakan lalulintas yang berlaku kerana masalah orang ramai berjalan kaki. Di sini ingin saya menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beberapa jejambat ataupun jambatan atas tanah yang dibina oleh pihak yang berkenaan disalah tempatkan. Tempat-tempat

yang dibina jejambat ini tidak digunakan dengan sepenuhnya, tidak digunakan pada tempat yang betul-betul berkehendakkan. Misalnya, Jalan Tuanku Abdul Rahman yang baharu dibina di hadapan Perbendaharaan, di situ tidak ada orang lalulintas, walhal orang-orang yang berkehendakkan jejambat seperti ini ialah di Jalan Melaka di hadapan kedai Bilal antara Bank Bumi-putra, itu yang berkehendakkan jejambat supaya senang orang pejabat dapat menggunakan tetapi di situ tidak dibina, dibina di jalan tidak banyak orang lalulintas berjalan kaki. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengarahkan pihak yang berkenaan membuka balik jejambat itu dan pasang di tempat yang berkenaan supaya untuk sementara waktu ini dapat digunakan oleh orang ramai dan dapat mengurangkan kesesakan lalulintas khususnya di Jalan Melaka dan Jalan Ampang di hadapan Bank Bumiputra dan di sebelah kedai Bilal.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta, untuk hendak menyelesaikan masalah tempat simpan kereta, kita sudah dengar banyak berlaku. Saya minta juga kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat satu kajian ataupun untuk dilaksanakan. Kita di dalam Wilayah Persekutuan terutama sekali di dalam bandaraya ini kekurangan tanah, apa salahnya kita membuat kajian mencari jalan bolehkah atau tidak satu tempat simpan kereta dibuat di bawah tanah dan dikenakan sewa kepada orang boleh mendatangkan hasil. Saya percaya projek ini boleh dilaksanakan dengan pinjaman melalui Bank Dunia seperti Hong Kong boleh membuat satu jalanraya di bawah laut meminjam wang daripada luar negeri dan pada hari ini banyak mendatangkan hasil. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan cuba untuk mengatasi kesesakan meletak kereta ini dengan mengadakan tempat letak kereta di bawah tanah.

Saya minta juga dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini dapatlah traffic warden ini menjalankan tugasnya betul-betul dengan jujur dan ikhlas. Kalau orang buat salah, tangkap dan denda di situ juga. Saya minta dengan adanya kuasa baharu ini, beri kuasa kepada traffic warden itu membawa buku denda itu sekali. Orang-orang yang bersalah menurut Undang-undang ini, ambil duit keluarkan resip di

situ—masa itu juga kena bayar, tidak payah ditangguh-tangguh hendak jumpa bawa mahkamah, jumpa di pejabat, ini cerita lama akan timbul balik. Saya minta terlaksananya Undang-undang ini diberi kuasa kepada traffic warden itu menjalankan denda masa itu juga terutamanya sekali masalah pengguna lorong-lorong untuk jenis-jenis kereta yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bandaraya yang termasuk di dalam Wilayah Persekutuan ini maka tibalah masanya pihak Kerajaan merancang masa hadapan Wilayah Persekutuan, terutama sekali mengenai kegunaan atau cara-cara lorong-lorong khas jenis-jenis kenderaan iaitu ada jalan-jalan-nya yang tertentu, tidaklah seperti hari ini, berceramik. Saya tengok di negara-negara yang besar di mana perkara ini boleh diusahakan. Saya harap juga satu daripada caranya selain daripada buat jambatan atas tanah, ataupun jejambat saya minta pihak yang berkenaan di dalam Wilayah Persekutuan khususnya pihak Datuk Bandar berikhtiar membuat jalan bawah tanah untuk orang-orang melintas. Saya percaya perkara ini akan mengurangkan kemalangan dan akan dapat memberi nikmat kepada orang ramai. Membuat jejambat atau jambatan di atas jalan ini banyak kesulitan yang berlaku. Saya tengok pemudi-pemudi kita yang pakai skirt, mereka takut hendak menggunakan jejambat itu kerana banyak pula peminat yang menunggu di bawah jejambat. Jadi kalau ada lorong-lorong atau jalan-jalan di bawah tanah, perkara semacam ini tidak timbul. Jadi, saya percaya di waktu hujan boleh digunakan.

Ini saya mintalah kepada Menteri yang berkenaan dalam kita melaksanakan Rang Undang-undang ini dapat juga kita membuat persediaan bagaimana cara-cara boleh meringankan beban-beban yang dihadapi oleh orang ramai supaya rungutan-rungutan terhadap kelemahan Kerajaan kita yang sangat berleluasa pada hari ini berkekurangan.

5.03 ptg.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya beratus-ratus ribu manusia yang keluar masuk di dalam bandar Kuala Lumpur ini pada tiap-tiap hari akan rasa

terhutang budi dan menghargai usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah lalu-lintas yang terdapat di dalam Bandaraya ini.

Memang keadaan lalulintas dalam Kuala Lumpur ini satu keadaan yang kita sungutkan pada tiap-tiap hari. Tetapi pada mereka yang telah dapat peluang berjalan ke sana sini kalau dibandingkan dengan keadaan di lain-lain bandar hasil daripada perbandingan itu barangkali kita insaf bahawa masaalah yang dihadapi oleh kita ini ialah satu keadaan yang dihadapi oleh manusia di mana-mana sahaja, di mana bandar itu besar, tambahan pula pada negeri-negeri yang besar dan mewah. Kalau negeri-negeri yang miskin dan kecil, wang susah, tidak bermotokar besar-besar macam kita ini tentulah keadaan lalu-lintas tidak begitu sesak dan tidak begitu menjadi soal. Pendeknya, bolehlah dikatakan kesesakan lalulintas Kuala Lumpur menjadi satu index, satu penanda, satu keterangan bagaimana mewah rakyat Malaysia ini, bagaimana senang, kaya apabila dibandingkan dengan rakyat-rakyat di negeri-negeri lain. This is a price we pay for progress. This is a price we have to pay for our wealth. Kalau dibandingkan dengan orang lain. Jadi, kita mesti sentiasa mencari jalan untuk mengatasi soal ini. Saya suka mengemukakan sedikit pendapat berkait dengan perkara ini sebab inilah masanya untuk kita mengemukakan beberapa syor kepada pihak yang berkenaan bagi mengatasi masaalah traffic chaos yang terdapat di sini. Saya rasa tidak dapat kita memisahkan Town Planning daripada keadaan lalulintas. Traffic dan Town Planning itu must go together. Boleh dikatakan banyak perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab berkenaan dengan Town Planning supaya menjamin bahawa di masa yang akan datang keadaan lalulintas kita akan sempurna. Kita tidak menuduh sesiapa. Kita telah mewarisi satu keadaan di mana satu bandar yang tidak begitu besar dahulu sudah menjadi Ibu Kota atau Ibu Negara di mana barangkali jalannya sempit dan sebagainya.

Sebab itu, saya rasa perkara yang pertama sekali ialah berkenaan dengan suatu peraturan di mana tempat-tempat letak kereta atau parking facilities dijadikan satu syarat tertentu untuk sebarang bangunan yang diluluskan untuk dibina dalam Bandaraya kita pada masa yang akan datang. Terdapat orang-orang meletakkan kereta di depan

rumahnya, tidak ada garage misalnya ataupun kalau di kedai-kedai itu tidak ada tempat untuk menyimpan keretanya siang malam, walaupun sekarang kita mengatasi ini dengan mengadakan tempat-tempat parking dengan meter-meter dan sebagainya. Saya rasa kita mesti terima satu kesimpulan iaitu jalanraya (the road way) ialah untuk lalulintas, untuk kereta berjalan bukan untuk tempat meletak kereta. Barangkali tempat itu sesuai oleh kerana tidak ada tempat lain hendak letak kereta akan tetapi kalau kita gunakan jalan itu untuk letak kereta tentu ianya akan menyekat jalan dan mengganggu lalulintas. Perkara ini penting. Basic untuk town planning di masa yang akan datang janganlah ada satu keadaan di mana jalan itu disesakkan, diblock atau diobstruct dengan stationary vehicles, di tempat-tempat yang biasanya boleh digunakan untuk perjalanan kenderaan.

Kedua, tentang traffic control dan planning-nya. Kita mesti ada tanda-tanda traffic yang kalau kita fikir betul-betul lucu (comical). Standardnya rendah, barangkali sesuai pada masa kita semua berbasikal dahulu. Jalan dengan kederasan barangkali tidak lebih daripada 10 batu sejam, boleh datang dekat. Tengok apa yang bertulis di papan tanda itu. Tetapi dengan keadaan kesesakan kereta sekarang jangan hendak toleh kebelakang tanda arah atau directionnya tidak nampak langsung.

Saya fikir kita boleh ambil contoh dari lain-lain negeri di mana tanda-tanda terbentang besar, tinggi, luas dan tulisannya terang dan di waktu malam pula dipasang lampu terang-benderang supaya suku batu sebelum kita sampai sudah boleh nampak tanda itu. Apabila kita dekat, kita sudah tahu ke kiri ke mana, ke kanan ke mana dan terus pula ke mana dan kita dapat masuk ke lane yang betul. Kita tidak mahu apabila sampai baru hendak potong kiri, potong kanan hendak cari lane yang betul, sebab apabila sampai sudah salah lane.

Traffic lights atau lampu-lampu isyarat merah, kuning dan hijau ini pun, janganlah begitu pendek supaya dapat kita lihat apabila dekat. Biar tinggi atau besar. Saya fikir itu patut kita ambil perhatian juga.

Berkenaan dengan cara traffic planning pun saya rasa banyak perkara di Bandaraya Kuala Lumpur ini khususnya pada layman,

orang-orang yang tidak begitu pandai berkenaan dengan traffic control ini pun terang-terang salah. Ambil satu dua contoh. Kalau kita berjalan dari Petaling Jaya ke Kuala Lumpur melalui Jalan Lornie yang sekarang ini dinamakan Jalan Syed Putra yang di tepi sungai itu selalu hold-up, tersekat kalau kita ambil lane sebelah kanan kerana ada kereta yang cuba hendak belok ke kanan masuk ke jalan yang pergi ke Istana Negara. Siapa engineer ataupun penasihat mana yang telah menasihatkan supaya traffic arrangement yang hendak menuju naik ke Istana Negara dengan melalui tiga lorong itu, orang itu patut dibawa balik dan diperiksa otaknya. Sebab saya fikir tempat itu ialah tanda yang boleh dikatakan satu example atau satu contoh bagaimana cara-cara peraturan jalan dan peraturan traffic tidak patut diadakan—satu unique example of how the traffic and road should never be planned, should never be designed atau sebaliknya.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya melalui Jalan Bangsar, tiap-tiap hari dan tiap-tiap malam siapa yang ambil right lane tersekat kadang-kadang sampai setengah batu, kerana di hujung jalan sana hendak masuk ke Jalan Maarof kena dahulukan sebuah-sebuah kereta, kadang-kadang tidak ada siapa yang menjaga dan tidak ada traffic lights, tidak ada berlampu, pada hal dalam kawasan itu sudah beratus, beribu rumah didirikan dan boleh dikatakan sebagai satu new community complex, bukan sekarang, tetapi sudah beberapa tahun. Akan tetapi Datuk Bandar atau siapa sahaja tidak tahu, dan belum lagi masuk dalam fikirannya untuk mengadakan traffic lights di situ yang jauhnya kira-kira 10 atau 20 ela ke hadapan yang mana traffic lights digunakan untuk Lever Brothers. Barangkali seminggu sekali atau dua minggu sekali ianya digunakan untuk menahan lalulintas supaya boleh satu gerabak masuk atau keluar. Ini menggelikan hati, sesiapa yang berjalan di sini akan berkata who are the bright people behind the whole traffic control system of Kuala Lumpur. Saya ditanya beberapa kali oleh orang dari luar, kenapa diberi keutamaan kepada satu lampu isyarat untuk melayani satu faktor, pada hal beratus, beribu orang tiap-tiap hari mengalami keadaan kesesakan, tambahan pula katanya, banyak rayuan sudah dibuat dan berpuluh-puluh surat diedarkan dalam suratkhbar

semua bahasa—*The New Straits Times*, *Utusan Melayu* dan apa juga berita dalam berbagai bahasa. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat sudah berpuluh, beratus surat dikirim untuk mengingatkan kepada pihak yang berkuasa menyatakan ini satu tempat yang merbahaya dan patut diadakan lampu isyarat. Tetapi sehingga hari ini belanjanya entah berapa sen atau berapa ringgit, saya pun tidak tahu, barangkali jikalau tidak mampu biar kita semua derma untuk mengadakan traffic lights di situ, kerana pihak yang berkuasa tidak mampu mengadakan traffic lights. Ini satu perkara yang saya ingat lucu (comical).

Saya sendiri pada dasarnya tidak senang sama sekali berkenaan dengan seksyen baru 61A kalau maksudnya supaya segala kuasa ini dijalankan terus, sebab saya rasa ini satu cara dan satu peraturan yang barangkali tidak popular dan akan dibangkang atau ditentangi oleh sebilangan besar penduduk, akan tetapi saya dapati bahawa ini hanya cuma memberi kuasa (it is only enabling) kepada Datuk Bandar dan pihak yang berkuasa melakukan peraturan ini untuk menentukan berapa orang pada sebuah kereta patut diisikan sebelum dibenarkan masuk, kalau kurang, tidak dibenarkan masuk ataupun jika hendak masuk juga ke bandar mestilah dikenakan bayaran khas dan sebagainya. Perkara ini sudah dijalankan oleh negeri jiran kita dan barangkali kita hendak tiru. Tetapi saya rasa cara ini akan menimbulkan tentangan yang hebat daripada pengguna-pengguna jalanraya dan saya sendiri sebagai individu tidak suka dan menentangnya. Saya tidak akan menentang undang-undang ini kerana setakat ini hadnya ialah memberi kuasa untuk menimbang dan kalau perlu dijalankan. Saya cuma berharap Datuk Bandar dan pihak yang berkuasa akan postpone dan tangguhkan langkah ini seberapa lama yang dapat.

Perkara ini, saya ingat patut kita ambil perhatian mengenai keadaan public transport kita yang belum beres dan belum elok. Public Transport kita sekarang ini sebagaimana yang telah dilaporkan dalam suratkhbar beberapa siris patut diperbaiki lagi. Bas-bas yang mengangkut orang, kalau kita perhatikan penuh sesak, berdiri dan setengahnya pula menunggu lama. Saya selama beberapa tahun ini telah mencuba beberapa kali untuk mendapatkan satu keterangan (information)

yang terang yang boleh menyatakan kepada orang biasa di mana bus station, dari mana ke mana, bas nombor berapa ke mana pergi-nya—tidak dapat keterangan. Dan sekarang sudah sampai masanya untuk Datuk Bandar atau pihak yang berkuasa mengaturkan public transport system di Kuala Lumpur ini supaya tidak seorang pun tidak rasa jatuh maruah-nya kalau hendak naik bas, tidak payah berebut-rebut, bertolak-tolak supaya Tuan Yang di-Pertua dan saya sendiri barangkali satu hari boleh senang menaiki bas, tidak mendapat gangguan, dan tidak merasa interdicted. Tetapi kalau keadaan semacam ini berlaku, ramai orang-orang yang merasa hendak naik bas itu statusnya akan jatuh, kerana tidak diatur dengan sempurna, dan sekiranya kita naik dengan tidak tahu bas ini hendak ke mana dan dari mana.

Saya fikir tanggungan yang pertama bagi pihak yang berkuasa dalam bandar ini ialah aturkan sistem, adakan tempat perhentian, tempat perlindungan dan juga tanda-tanda di tiap-tiap tempat perhentian, ditandakan dalam tiap-tiap cermin bas yang menandakan bas nombor berapa berhenti, bas ini jalan dari mana ke mana dan berhentinya di mana, pada pukul berapa sampai, penghabisan bas pukul berapa, mulanya pukul berapa. Patut ada satu peta yang diedarkan percuma kepada setiap orang dalam bandar ini yang memerlu-kannya supaya boleh menggunakan bas-bas tersebut. Kiranya saya hendak pergi ke sekian tempat, ambil peta ini dan di dalam peta ini ada menunjukkan dengan terang dan dengan warna bus route, sekian-sekian nombor mana mulanya dan di mana berhentinya.

Saya rasa ini basic yang mesti dilakukan dan di bawah undang-undang seksyen 73 yang mana ada diperuntukkan dalam pindaan ini supaya Datuk Bandar dengan pihak yang berkuasa boleh menetapkan sebarang jalan atau bahagian jalan untuk kegunaan ataupun ditegah dari digunakan oleh berbagai-bagai jenis kenderaan. Ini memang baik dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang lain telah mengatakan tadi barangkali ada kemungkinan pihak yang berkuasa akan menggunakan kuasa ini untuk mengadakan saluran, satu lane yang khas untuk public transport vehicles yang tidak dipakai oleh kenderaan yang lain supaya boleh mempercepatkan perjalanan public transport dengan tidak di sekat-sekat

(obstruct). Barangkali elok juga setengah-setengah jalan yang sempit atau setengah-setengah yang khususnya ditetapkan semata-mata untuk kegunaan public transport itu. Saya juga suka mengesyorkan supaya setengah-setengah jalan dalam kawasan perniagaan elok ditutup langsung sebagaimana dilakukan di London, di Tokyo dan lain-lain negeri. Kalau kita pergi ke Ginza misalnya, jalannya ditutup barangkali kira-kira setengah batu jauh dan letih orang dibuatnya. Tetapi perjalanan itu juga akan menimbulkan kesihatan dari berbagai segi, bagi pihak yang berdagang atau yang berniaga juga elok dan kalau ada orang-orang yang terpaksa berjalan mereka akan berjalan dengan perlahan dan dapat melihat segala window decoration. Mereka juga boleh mengambil masa dengan membeli barang yang dijual, dan kiranya mereka pergi dengan kereta yang deras boleh jadi tidak akan nampak.

Sebaliknya, kalau kita berkemampuan barangkali boleh kita adakan moving platform (escalator), bagi orang-orang tua ataupun orang-orang yang tidak larat berjalan boleh naik escalator. Escalator ini bukan barang baru. Banyak airport dan banyak tempat yang boleh kita pergi. Kalau airportnya setengah batu panjangnya, kita cuma naik moving platform macam escalator, bukan naik ke atas, tetapi berjalan sama rata dengan jalan. Kalau pihak berkuasa Dewan Bandaraya mampu boleh adakan beberapa petak, beberapa section d.beri perkhidmatan moving platform kepada orang-orang yang malas berjalan, tetapi jalan itu ditutup langsung, sebabnya banyak dan tidak payah kita huraikan.

Saya rasa selagi kita bergantung semata-mata kepada kenderaan yang beroda atas jalan, macam mana kita tambah cukai sekalipun, kemewahan orang-orang kita dan perangai orang-orang kita hendak menyekat kemasukan kenderaan di bandaraya itu susah. Oleh sebab itu, barangkali kita juga mempunyai remedy, penawarnya, barangkali agak radical sedikit. Kata orang dalam negeri ini kalau buat jalan underground, atau tube (kenderaan bawah tanah) itu susah atau mahal kerana air kita banyak. Kalau begitu kita buat atas angin (monorail) misalnya, tentu perkara ini sudah terbit. Saya tahu perkara ini sudah ditimbang, tetapi saya rasa jangan diketepikan sahaja

begitu. Kalau kita betul-betul hendak mengatasi soal traffic chaos ini daripada berbagai-bagai penjurong yang masuk ke Kuala Lumpur ini patut diadakan kemudahan untuk orang-orang yang datang masuk dengan monorail. Dan keliling Kuala Lumpur, samada satu circle, dua circle atau tiga circle, patut diadakan circle lain monorail ini yang boleh menjadi perhubungan supaya dapat orang-orang pergi berulang-alik dengan tidak payah membawa kereta. Kalau ada, itu saya fikir kita boleh mengurangkan kesesakan lalulintas ini.

Saya juga berasa perkara traffic warden ataupun pengawas lalulintas ini, kita patut juga menarik perhatian pihak yang berkuasa yang akan mengadakan perkhidmatan ini. Saya harap jangan semata-mata traffic warden atau pengawas lalulintas ini untuk menangkap, menyaman dan untuk menolak orang ke sana sini. Kalau perbuatan itu semata-mata dilakukan oleh traffic warden, sungguhpun barangkali pilihan-raya tidak diadakan untuk Datuk Bandar, tetapi kesannya akan tertimpa kepada kita kerana perbuatan itu akan membangkitkan rasa tidak puas hati dan tentangan dari rakyat jelata.

Saya rasa sebagaimana telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya suka hendak menegaskan dan mengulangi lagi iaitu traffic warden ini mahulah dilatih supaya bersikap courteous, menolong orang ramai, tetapi bukan menekan dan menyiksa orang ramai. Mereka hendaklah menunjuk, memandu, memberi ajaran, memberi nasihat, membantu dan menolong. Selain daripada itu, saya harap traffic warden boleh juga tolong menjaga terafik (traffic control), sungguhpun kita senang dan berasa seronok kerana sudah ada beberapa wanita jelita yang cantik-cantik yang menjadi traffic cop menolong menjaga traffic.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Ada sedikit lagi. Saya rasa traffic warden ini dilatih dan dapat berkerja untuk mengarah traffic dan sebagainya.

Berkenaan dengan perkara ini, saya suka menarik perhatian pihak yang berkuasa iaitu patut juga memberi pertimbangan bagi

mengadakan alat-alat isyarat terafik (traffic control system) yang boleh dijalankan secara automatic dan juga manual, umpamanya, pada masa-masa peak hours boleh traffic warden ini control menurut aliran terafik sehingga habis, selepas itu baru diputar kunci itu balik kepada automatic supaya boleh berjalan dengan secara automatic. Banyak traffic lights yang ada ini tidak dapat dijalankan secara dual, tidak boleh jalan secara manual dan automatic, sebab itu kadang-kadang kita melihat mata-mata menahan terafik dan berlawanan dengan traffic lights. Kalau kita ada equipment yang dual system senang boleh dipasang untuk automatic apabila terafik tidak begitu banyak dan di masa sesak itu dapat manusia menggunakan otaknya dengan pelajaran dan ajaran yang dapat mengatur, mengarah traffic secara manual. Equipment ini tidak mahal.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap dengan sesungguhnya Seksyen 61A ini pihak Datuk Bandar akan melengahkan (postpone) seberapa lewat yang dapat.

5.26 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya berharap dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini maka kesesakan lalu-lintas akan bertambah baik dan kemalangan jalanraya akan bertambah kurang.

Saya berpendapat seperti mana yang telah berlaku dalam negara kita yang kita sama-sama saksikan bahawa banyak kenderaan yang baru keluar tidak kurang daripada 1,000 buah sebulan khususnya di Wilayah Persekutuan. Dengan ini akan membuktikan kepada kita bahawa hasil daripada kenderaan-kenderaan adalah satu hasil yang amat banyak kepada negara kita. Saya tidaklah berani mengatakan berapakah angka yang sebenarnya, tetapi saya berpendapat tidak kurang daripada 30% hasil yang kita dapat daripada kenderaan. Ini bererti kita bersyukur kepada Tuhan dan kita berterima kasih kepada sesiapa yang dapat membeli kenderaan, sebab apabila dapat sahaja membeli kenderaan maka dengan sendirinya membawakan hasil negara. Tetapi sebagaimana kita sama-sama tahu, kadang-kadang bila kenderaan

itu laju menyebabkan kemalangan. Di sebalik maju ada pula halangan. Ini telah menjadi adat kepada dunia. Jadi inilah masaalah yang kita bincangkan pada petang ini.

Memandang keadaan sebagaimana saya katakan tadi kenderaan-kenderaan yang banyak ini adalah membawa kepada hasil yang banyak. Saya biasa buat angan-angan "Mat Jenin", apabila saya duduk di satu tempat, saya tengok motokar berjalan tidak berhenti-henti, baik saya duduk di atas sebuah bangunan seperti Bangunan Parlimen, pandang ke utara tengok motokar berduyun-duyun, alih ke selatan begitu juga. Pendek kata, saya tengok tidak ada jalan dalam Bandaraya ini yang tidak ada motokar di atas jalan.

Saya biasa teringat dalam hati, kalau diberi kepada aku satu ekar tanah di atas jalanraya yang mengandungi motokar cukuplah bagi aku, tidak payah membuat kerja lain. Begitu-lah banyak kenderaan dalam Malaysia. Jadi, tidak hairanlah, kita apabila lalu-lintas sesak kemalangan berlaku. Saya berpendapat amatlah wajar dan amatlah adil, kalau kita mendapat hasil yang banyak patutlah kita memberi pertimbangan yang istimewa.

Sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara saya tadi, dengan membanyakkkan jalanraya, samada di atas angin seperti kata Yang Berhormat dari Kepala Batas, ada setengah dikatakan jalan bawah tanah dan ada pula jalan di atas tanah, saya berpendapat amatlah perlu asalkan banyak jalan. Saya masih ingat lagi pada tahun 1962 di mana pertama kali saya datang ke Kuala Lumpur haruslah saya berasa malu dengan kawan-kawan, tetapi di atas kenyataan biarlah saya katakan dengan terus terang.

Pada masa itu jalan daripada Slim River ke Kuala Lumpur dengan memakaikan tol iaitu satu tempat yang mengutip hasil seperti hari ini belum ada lagi. Siapa yang hendak pergi ke Kuala Lumpur terpaksa melalui jalan Slim River yang berliku-liku. Saya masih ingat lagi satu rombongan naik bas termasuk saya sendiri di dalamnya kebanyakan ataupun 80% daripada penumpang yang berada di dalamnya selain daripada lambat sampai habis pening dan terpaksa memakai ubat cap harimau dan sebagainya. Syukur kepada Tuhan dengan adanya jalan yang lurus daripada Slim River ke Tanjung Malim walaupun tiap-tiap seorang kena

membayar 50 sen satu kenderaan, syukurlah kita Ahli-ahli Parlimen tidak payah membayarnya. Tetapi kalau kena bayar pun kita bayar juga kerana cepat sampai. Kita tidak mahu mengikut jalan yang berliku-liku seperti mana yang saya katakan tadi. Jadi bila kita tinjau daripada sini, kalaulah kita adakan banyak jalan-jalan baik dengan cara di atas seperti mana kata Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi—di atas angin, terpaksa dibayar harga yang berpatutan asalkan cepat sampai orang sanggup membayar, kerana tiap-tiap orang yang akan membeli kenderaan tujuannya supaya cepat sampai. Apa ertinya kita naik kenderaan kerana kadang-kadang selalu berlaku dan saya masih ingat lagi pada tahun yang lepas, saya terlebih dahulu meminta maaf kepada Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya, suatu hari beliau telah lewat datang ke Parlimen, Tuan Yang di-Pertua berpendapat mungkin disebabkan traffic jam. Beliau datang awal tetapi oleh sebab kenderaan banyak seperti yang saya katakan tadi, maka tidak sempat hendak sampai cepat ke tempat yang dituju iaitu Parlimen. Beliau juga salah seorang daripada Yang Berhormat Menteri berkata beliau datang ke Dewan hari ini daripada pukul 2.15 petang kalau tidak silap saya, tetapi pukul 3.15 petang tidak sampai lagi ke Dewan dan perjalanannya tidak lebih daripada enam batu. Beginilah selalunya kesesakan jalanraya yang telah berlaku dalam Wilayah Kuala Lumpur, salah satu sebab yang besar sebagaimana yang saya katakan tadi kenderaan-kenderaan terlampau banyak dan yang kita tahu tidak kurang daripada 1,000 kenderaan sebulan. Ini bererti bila bertambah kenderaan, bertambah jugalah hasil negara kita. Jadi tentulah kita tidak mahu menyekat semua orang dari menggunakan kenderaan. Maka dengan sebab itu, saya menyokong sangat supaya dibanyakkan lagi jalan-jalan kalau tidak ada tanah yang boleh dibuat jalan, buatlah jalan di atas dengan mendirikan tiang dan sebagainya memandangkan negara kita semakin maju, saya yakin perkara yang seperti itu dapat kita adakan.

Saya juga berpendapat patut masa-masa kenderaan ini dihadkan. Kalau keretapi itu boleh kita buat masa perjalanannya iaitu pukul 9.00, 10.00 dan 12.00 kenderaan lain pun saya berpendapat untuk mengurangkan kesesakan patut kita adakan satu masa misalnya pada pukul 4.00 petang, begitu juga pada

pukul 12.45 tengah hari. Masa ini adalah satu masa yang sedih di dalam bandar Kuala Lumpur. Sesiapa yang lalu 6 batu memakan masa tidak kurang daripada sejam. Kereta-kereta yang tidak dipasang air-conditioned Tuhan sahaja yang tahu bagaimana panasnya. Jadi sepatutnya pada pendapat saya hadkan kenderaan yang boleh lalu pada masa itu. Misalnya, kenderaan-kenderaan seperti teksi ataupun bas-bas sekolah untuk masa itu ataupun dikhaskan kepada orang pejabat sahaja di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan sebagainya. Saya berpendapat sekiranya kita adakan peraturan-peraturan yang tertentu tidaklah begitu sebok sangat di jalan-jalanraya. Memandangkan kepada kesalahan-kesalahan lalulintas selalu berlaku dalam bandar Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan, selain daripada kita adakan lampu-lampu dan sebagainya, kita juga mempunyai peraturan dan saya bersyukur dengan adanya Rang Undang-undang ini kerana ini satu pengawasan sebab saya dapati kadang-kadang manusia ini suka curi. Curi ini bukan curi wang tetapi curi masuk dalam cara curi jalan. Misalnya, di dalam Kuala Lumpur ada tempat-tempat liku yang boleh dimasukkan maka setengah orang yang mengikut aturan dia mengikut dibelakang dan yang setengahnya dia pergi mencari di penjuru dan mencuri masuk. Hamba Allah yang mengikut aturan itu sehingga sejam tidak sampai tetapi yang mencuri masuk dapat sampai dahulu. Jadi pengawasan di jalan-jalan patutlah diambil berat oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi selain daripada kesesakan lalulintas selalu juga berlaku pertelagahan di antara pemandu kereta dengan pemandu kereta. Saya hairan satu undang-undang, saya tidak hendak melawan kerana saya tidak pakar dalam undang-undang, pemandu kereta yang lari di belakang itu yang bersalah, pemandu kereta yang di depan tidak bersalah walaupun dia yang melakukan kesalahan. Maka mengikut aturan yang di belakang itu tetap bersalah. Tetapi saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli-ahli Dewan dan semua orang berpendapat sama dengan saya. Walaupun pemandu kereta yang di depan itu tahu dia tidak bersalah begitu juga pemandu yang di belakang tahu bahawa dia yang bersalah, dia tentu tidak mahu sama sekali melanggar kereta kawannya. Tetapi kadang-kadang tidak semena-mena satu disebabkan kesalahan daripada dia sendiri dan yang kedua

kadang-kadang tidak sewenang-wenang orang yang membawa kereta di depannya dengan tidak ada isyarat, dengan tidak ada lampu dan sebagainya telah memberhentikan keretanya dengan serta-merta maka kereta yang di belakang yang jauhnya tidak lebih daripada dua ela, apatah lagi macam Bandaraya Kuala Lumpur terpaksa melanggar kereta kawan. Bila dia langgar kadang-kadang kereta dia sendiri jahanam. Adakah dia suka hendak langgar kereta itu tetapi apa boleh buat dengan sebab kereta yang di depan berhenti dengan serta-merta maka kesalahan dia seorang yang akan menanggung.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bila saya teringat ini teringatlah saya kepada hukum lelaki dengan perempuan iaitu bab Nikah Kahwin, bab yang selalu disebut dalam suratkhbar. Kejadian itu disebabkan dua manusia iaitu lelaki dan perempuan. Masakan tepuk sebelah tangan akan berbunyi, tetapi kerap kali yang salah semuanya lelaki. Begitulah juga kereta di belakang dengan kereta di depan kalau salah pun yang di belakang, walhal tentu hamba Allah itu tidak mahu melanggar. Dia pun kadang-kadang pecah cerminnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang memandu kereta di belakang?

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang memandu kereta di belakang itu tidak tentu. Kadang-kadang boleh jadi Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*), kadang-kadang kita yang memandu kereta di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada untuk mengelakkan daripada selalu berlaku kemalangan, saya berpendapat pemandu-pemandu ini patutlah bercermat kerana saya lihat banyak pemandu-pemandu yang mendapat kemalangan. Mati di tangan Tuhan, tetapi tiap-tiap satu kejadian dengan bersebab. Boleh jadi pemandu itu ada setengahnya lalai kerana minum, kadang-kadang kalau pemandu itu minum kerap kali berlaku kejadian dan kadang-kadang kalau dia tidak minum arak sekalipun menjadi penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya amatlah sedih satu kejadian telah berlaku di tempat saya sendiri seorang budak mendapat

kemalangan, betul seperti yang saya katakan tadi ajal di tangan Tuhan, tetapi tiap-tiap satu itu bersebab. Dia naik motor tidak mengira meter

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini apa ada hubungannya dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Untuk kesesakan dan keselamatan jalanraya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya sambung sedikit lagi. Jadi dengan kerana tidak siuman kerana minum, mabuk dadah dan sebagainya menyebabkan banyak kemalangan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung lagi tentang kesesakan jalanraya, untuk menjadi kebaikan sebagaimana kata saudara saya daripada Kepala Batas tadi, saya berpendapat di zaman kemajuan ini tidak patutlah lagi tiket-tiket bas dijual di atas bas. Apabila orang telah naik penuh bas barulah penjual tiket itu naik dan menjual tiket di atas bas. Jadi, saya ingat dia pun tidak boleh hendak jual dan ada setengahnya pandai bercakap dan perlu sedikit dia pun terlepas daripada membeli tiket dan terus duduk di atas bas. Saya berpendapat kita buat sistem cara moden kerana dunia pun telah semakin moden. Biar daripada bawah lagi dia beli tiket yang ada tertulis di atas tiket itu bas mana yang dia akan naik dan berapa orang had penumpangnya. Kadang-kadang penumpang penuh tiket tidak ada. Selepas itu hendak dijual keadaan sudah penuh sesak. Jadi, sebelum naik, dia mesti tahu tiket nombor berapa dan bas mana yang dia hendak naik. Kita dapat hadkan, janganlah seperti yang selalu terjadi di Kuala Lumpur seperti kata kawan saya daripada Kepala Batas tadi dan seperti kita lihat dalam siaran TV yang bercakap fasal arak, Melayu tahan payung dan sebagainya. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun nampak pelek sangat iklan itu. Kalau dijual tiket daripada bawah mengikut sistem keretapi ataupun sistem kapal terbang, saya yakin bahawa kesesakan itu tidak akan berlaku. Saya berharap janganlah terjadi kepada penumpang-penumpang bas kesesakan yang membawa berbagai kejadian dan bahaya.

Saya syorkan sepatutnya penumpang-penumpang membeli tiket daripada bawah dan dihadkan masanya yang berpatutan ataupun bilangan penumpang yang berpatutan untuk menaiki bas itu. Maka dengan itu tidaklah menjadi kesesakan di atas bas, demikian juga apa yang saya syorkan lebih awal tadi bahawa pada pendapat saya itu adalah salah satu cara atau jalan untuk mengurangkan kesesakan di jalanraya.

5.41 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya minta kebenaran berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lalulintas jalan adalah sangat susah dan ianya menyebabkan beberapa factor, dan di sini saya berharap Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan apa-apa factor berkenaan dengan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.

(Dengan izin) According to my information received from friends, it seems that the problem of transportation is largely that of mass public transportation. Although it is true that Malaysia is affluent and the people can afford to buy cars, I must remind the House and the Ministry concerned that it is the large number of people, the poor working folks, who are the most affected by the poor public transportation system that we have in Kuala Lumpur and in the other towns and in the other parts of Malaysia. It is to this class of people that we must pay utmost attention and cater all our measures or amendments to the Bill, for unless we have a good public transportation system, the question of traffic congestion and traffic blocks would persist for a long time and we would have great difficulty in transporting workers from one point to another. Therefore, the main emphasis should be on the improvement of public transportation system whether by bus or by other means.

I think principally bus transportation should be improved because a bus can carry a large number of people at any one time compared to two or three persons in a car. While I admit that the Ministry is trying to do its best, I think that more could be done for the people of Kuala Lumpur, especially

the workers of Kuala Lumpur—the clerks and the other small people—by having better buses. Of course, there are now these mini buses which, I think, is a good idea, but there could be more such buses. The large number of working people who gather at the bus stops to wait for buses is a clear example of the necessity of improving the public transportation system. Not only have they to wait, but they have to wait in large numbers and for a long time too before a bus comes up, and when the bus comes up they have to rush to get in, some through the main door way and some through the windows and things like that. This is a matter to which I think the Ministry should pay more attention. In view of the fact that in twenty or thirty years time, the population of Kuala Lumpur may double, the problem of transportation will also be more difficult to be solved. Therefore, other than the present amendments to the Road Transport Ordinance, plans should now be set afoot on the problems of mass rapid transportation like in other countries—things like sub-way; monorails and things of a similar nature. I hope the Ministry concerned has these plans on paper to be implemented, if not now, at least in the near future.

I would also suggest to the Ministry that in order to avoid the concentration of people in Kuala Lumpur City itself and to avoid the people from coming into Kuala Lumpur City area, it might probably be a good idea to have more satellite towns around Kuala Lumpur for example, like Petaling Jaya. These satellite towns should have the same facilities as we have in the Kuala Lumpur City—in other words, they should have the same shopping facilities, supermarkets, cinemas, places of entertainment and things like that, so as to avoid or to prevent more people concentrating in one single area like Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, also the problem of transportation is not only confined to Kuala Lumpur itself, but is also present in other towns like Seremban and in the various other districts. Estate labourers, estate workers and plantation workers sometimes have great difficulty in finding transport to towns because the buses are full and they usually do not stop for them. Therefore, I would suggest to the Ministry concerned to consider the proposition to have mini

buses to serve these plantation workers, estate workers, mine workers and people like that. For example, we can have one mini bus for each group of plantations or each group of estates or a group of mines so as to cater for the poor estate workers who now have to wait for long hours in the hot sun for the bus to turn up.

Lastly, Tuan Yang di-Pertua, the problem faced during the recent Deepavali festival is a good example of the necessity of improving mass public transportation—I refer to the railway transportation, the bus transportation and also the taxi transportation. On the trains one could have seen crowds of people sitting up all the way from Kuala Lumpur to Johore Baru or from Kuala Lumpur to Penang, some in the passage-ways, some even on the platforms outside the coaches. This is a problem which the Ministry should look into and try and do something about it. Probably it is time for the Railway Administration to think about having a double track and not just a single track railway line throughout the country but a double track, so as to improve the transportation of people from one point to another. Bus services too have to be increased. During the past few days, the people who wanted to go to Kuala Lumpur from Seremban or from Kuala Lumpur to Seremban had to wait for hours to get a bus. Taxis too are in such a great demand that the taxi drivers demand double fare from Kuala Lumpur to Seremban or from Seremban to Kuala Lumpur. Normally, it cost \$2.50 per person but on festival days they charge \$5.00 per person. This is the problem which the Ministry must look into so that the poor people, whether they be in Kuala Lumpur, or in Seremban or in other parts of Malaysia, would benefit if they have a good public transportation system. In the case of those who have cars,—it is good that they own cars—there is not much problem. But I think we are more concerned with the problem of those people who do not have the money to buy cars and these are the poor workers and labourers.

5.47 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan sebanyak terima kasih atas pendapat dan cadangan-cadangan mengenai pindaan Rang Undang-undang Pindaan yang telah

saya kemukakan ini. Begitu juga saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai bagaimana cara mengatasi kesesakan ataupun masalah lalu lintas di Wilayah Persekutuan ini. Segala cadangan-cadangan ataupun buah fikiran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan cadangan-cadangan itu akan dilaksanakan mana yang difikirkan perlu kita laksanakan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masalah ini adalah satu masalah yang rumit dan bukanlah mudah diatasi, tetapi walau bagaimanapun kita akan mengambil segala tindakan yang boleh untuk sekurang-kurangnya mengurangkan masalah atau pun kesesakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang pertama kenapa masalah ini begitu rumit ialah disebabkan pertama sekali bangunan-bangunan di Kuala Lumpur dan jalan-jalan raya serta lorong-lorong yang ada di Wilayah Persekutuan ini telah dibina beberapa puluh tahun yang lampau yang mana pada ketika itu bilangan penduduk dan kereta-kereta yang ada di sini tidak begitu banyak seperti yang ada sekarang ini. Ini adalah satu daripada masalah yang besar sekali yang menyebabkan kesesakan itu kerana di sebabkan bilangan kereta dan penduduk yang telah bertambah begitu banyak dari semenjak bangunan-bangunan, jalanraya dan lorong-lorong itu dibina. Dari itu untuk membetulkan kedudukan ini sekarang adalah sangat mahal melibatkan perbelanjaan yang banyak dan melibatkan beberapa masalah juga kepada penduduk-penduduk yang terlibat terutama sekali bila kita mengambil tanah ataupun merobohkan bangunan-bangunan yang ada pada waktu ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil segala langkah yang boleh untuk mengurangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini inginlah saya menjawab sedikit daripada beberapa teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyeru supaya doktor-doktor dikecualikan daripada bayaran bila masuk ke Bandaraya Kuala Lumpur bila Undang-undang ini sudah dikuatkuasakan. Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya memberitahu

kuasa yang diberi kepada Datuk Bandar mengenakan bayaran ini adalah termasuk juga kuasanya untuk mengecualikan bayaran itu. Dengan sebab itu perkara ini akan dipertimbangkan bila sampai waktunya nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan juga dari Kepong telah menyentuh berkenaan dengan seksyen 62A Rancangan mengenakan bayaran di setengah-setengah kawasan hanya akan dilaksanakan apabila kajian yang sedang dijalankan oleh Jurutera Perunding siap. Kajian ini akan menentukan langkah-langkah yang mesti diambil sebelum rancangan ini dapat dilaksanakan. Rancangan ini bertujuan memberi keutamaan kepada kereta pengangkutan awam dan kereta-kereta yang mempunyai lebih dari 4 orang penumpang. Rancangan ini akan dikuatkuasakan pada masa peak hours sahaja. Adalah dijangkakan bahawa Rancangan ini dapat dikuatkuasakan pada akhir tahun 1976 ataupun awal tahun 1977.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyentuh berkenaan dengan Seksyen 55—tow away services. Yunit kenderaan terkandas telah ditubuhkan oleh Polis Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya pada 14hb Jun, 1975 dengan tujuan untuk mengelakkan penghalangan lalulintas di jalan-jalan strategic di Kuala Lumpur. Pemilik-pemilik kenderaan yang terkandas diberi tempoh sehingga 20 minit untuk menarik kenderaan terkandas itu dari tempat terkandas. Sekiranya ia gagal barulah kenderaannya ditarik di bawah yunit ini. Bayaran-bayaran yang dikenakan adalah disebabkan perkhidmatan yang dijalankan oleh pihak kontraktor. Aduan-aduan ada diterima dari orang awam mengenai perkhidmatan ini dan aduan-aduan yang terbukti benar telah diberikan perhatian dan seorang kontraktor telah dilucutkan hak menarik kenderaan-kenderaan terkandas kerana tidak menurut peraturan-peraturan. Ini bererti kita tidak akan membiarkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk meminta bayaran sesuka hatinya. Adalah tidak benar Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya bersikap kasar bahkan pegawai-pegawai memberi pertolongan kepada pemilik-pemilik kenderaan terkandas untuk menolak kenderaan mereka ke tepi jalan dan dengan berbuat begitu kenderaan itu tidak akan ditarik. Pada mulanya yunit terafik waktu berkhidmat dari pukul 6.00 pagi hingga 7.00 malam tetapi pada masa sekarang perkhidmatan ini

adalah 24 jam dan masaalah membayar upah menarik kenderaan atau mengeluarkan kenderaan dari depo Bandaraya tidak lagi menjadi apa-apa masaalah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar meminta jaminan supaya traffic warden menjalankan tugas dengan adil dan saksama. Beliau mendakwa bahawa Pegawai-pegawai Lalulintas menjalankan tugas mereka dengan kekerasan. Adalah tidak benar Warden Lalulintas bersikap keras. Warden Lalulintas telah menjalankan tugasnya semenjak 15hb September, 1975 tetapi cuma semenjak seminggu lalu sahaja warden-warden mengambil tindakan di atas kesalahan yang berlaku, sebelum itu warden-warden membuat kerja-kerja nasihat kepada pemandu-pemandu. Adalah benar bahawa Warden-warden Lalulintas bersikap tegas tetapi sikap tegas berbeza dengan sikap keras atau kasar seperti yang disebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga meminta supaya diadakan loceng (bell) dalam mini bas. Perkara ini telahpun diberitahu kepada pihak pembekal yang telah berjanji untuk mengadakan loceng dalam tiap-tiap mini bas yang diadakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah bertanya adakah maksud mengenakan bayaran ataupun area licensing ini menambahkan pendapatan Kerajaan ataupun untuk mencegah kereta-kereta masuk ke Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan lebih awal tujuan kita untuk mengadakan rancangan ini adalah semata-mata kerana untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan ini bolehlah dibahagikan kepada dua jalan untuk kita mengatasinya. Yang pertama, membaiki dan membina jalan-jalan dan mengadakan langkah-langkah untuk mencegah kereta-kereta itu masuk ke bandar. Langkah yang pertama, iaitu kerja-kerja untuk membaiki dan membina jalan-jalan baru di bandar-bandar adalah terhad seperti yang saya terangkan lebih awal tadi oleh kekurangan tanah dan juga oleh perbelanjaan yang sangat tinggi yang dikehendaki untuk kerja-kerja itu. Dengan yang demikian, adalah didapati perlu untuk menghadkan langkah ataupun restriction bersama-sama dengan kerja membaiki jalan-jalan itu dijalankan, jika tidak, jalan-jalan baru itu akan menjadi sesak sebelum masa yang dirancangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh perkara berkenaan dengan lori-lori punggah-memunggah di jalan-jalan di Kuala Lumpur dan juga mengenai tempat-tempat melintas bagi orang-orang berjalan kaki. Lori-lori punggah-memunggah cuma dibenarkan untuk kerja-kerja mereka selepas masa-masa kesesakan seperti jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi, dari jam 12.00 tengahari hingga 2.00 petang dan dari jam 3.45 petang hingga 5.30 petang. Adalah tidak wajar jika lori-lori punggah-memunggah ini menurunkan barang di depo-depo dan kemudian lori-lori kecil membawa barang-barang untuk kerja-kerja punggah-memunggah di Kuala Lumpur kerana dengan berbuat begini akan lebih banyak lagi lori-lori di Kuala Lumpur dan kesesakan akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah menyentuh bagaimana perlunya bukan sahaja kelicinan lalulintas terjamin bahkan keselamatan orang-orang berjalan kaki juga terjamin. Ada kedapatan pemandu-pemandu kenderaan tidak mengindahkan langsung tempat melintas jalan bagi orang-orang berjalan kaki. Traffic Warden yang ditempatkan dekat pedestrian crossing ini bukan bertujuan menyekat kelicinan lalulintas tetapi ialah untuk menentukan supaya orang-orang yang berjalan kaki dapat melintas jalan dengan selamat. Di Jalan Melaka dan Jalan Ampang di mana wujud pedestrian crossing tidak ada cara lain untuk melintas jalan selain dari menggunakan pedestrian crossing. Oleh itu penguatkuasaan undang-undang adalah perlu bukan sahaja kelicinan lalulintas terjamin bahkan keselamatan orang-orang berjalan kaki juga terjamin.

Yang Berhormat dari Setapak telah menegur yang jambatan-jambatan dibina di tempat-tempat yang tidak sesuai dan tidak memenuhi kehendak orang ramai dan meminta supaya dialih. Cadangan jejambat didirikan depan Restoren Bilal di Jalan Ampang itu adalah baik tetapi pada masa ini di situ ada pedestrian crossing untuk orang berjalan kaki. Walau bagaimanapun cadangan itu akan dipertimbangkan. Jejambat yang dibina pada masa ini ada kedapatan di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Foch Avenue. Ini adalah tempat orang ramai menyeberang jalan dan tidaklah benar bahawa jejambat itu didirikan di tempat yang tidak sesuai.

Yang Berhormat dari Kepala Batas telah mencadangkan supaya lorong khas untuk pengangkutan awam diadakan. Cadangan Yang Berhormat itu telahpun diambil perhatian dan akan dikaji dengan teliti. Sebenarnya satu firma jurutera perunding telahpun dilantik untuk mengkaji masalah tersebut di Kuala Lumpur dan di antara perkara-perkara yang sedang dikaji ialah bagaimana keutamaan boleh diberi kepada kenderaan pengangkutan awam di jalan-jalan di Kuala Lumpur. Cadangan untuk mengadakan lorong khas bagi pengangkutan awam ialah hanya satu di antara opsyen-opsyen yang sedang ditimbang.

Yang Berhormat dari Seremban mengesyorkan supaya diperbaiki perkhidmatan bas bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh Malaysia. Ini ada dalam kajian dari semasa ke semasa. Memanglah menjadi kewajipan Kementerian saya untuk memperbaiki perkhidmatan ini dari semasa ke semasa.

Saya fikir itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menjawab di sini dan selain daripada itu jikalau ada lagi cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum saya jawab, cadangan itu akan diambil perhatian dan akan dilaksanakan mana-mana yang perlu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan, sebagaimana yang tersebut dalam

Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Jadual: Gantikan angka "2 $\frac{1}{4}$ " yang terdapat dalam takrif 'minibus' di perenggan (ii) bagi pindaan kepada Seksyen 2 dengan angka "2 $\frac{3}{4}$."

Schedule: Substitute for the figure "2 $\frac{1}{4}$ " appearing in the definition of 'minibus' in paragraph (ii) of the amendment to Section 2 the figure "2 $\frac{3}{4}$."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda dipertahankan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MEM- BAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.12 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencajangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Undang-undang ini amat penting kepada orang-orang yang bukan Islam dan juga oleh sebab Rang Undang-undang ini saya dapati sangat teknikal dari segi undang-undangnya dan untuk memberi penjelasan yang lebih senang difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang fasih dalam Bahasa Kebangsaan, saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, menggunakan juga bahasa Inggeris di samping Bahasa Kebangsaan ditempat-tempat yang difikirkan perlu dan mustahak supaya difahami kelak oleh orang-orang yang bukan beragama Islam.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I am happy to introduce this Bill at a time when women all over the world are celebrating this year as the Women's International Year. It

is indeed appropriate that during this year our Parliament should debate and pass a Bill which quietly ushers in a social revolution of great significance to the women in particular.

In the legislative landscape of our Parliament this will no doubt be viewed by our future generations as a law of historical importance and the writing of a new chapter in the annals of our progress towards social justice. In one way or other this Bill will vitally affect the matrimonial relationship of most non-Muslim families who constitute about half the total population of this country. Of the non-Muslims to whom this Bill will not apply are the natives of East Malaysia and the aborigines of West Malaysia. When I refer to non-Muslims in the course of my speech, it is to be understood that the term includes every non-Muslim except the natives of East Malaysia and the aborigines of West Malaysia.

This Bill is not applicable to Muslim marriages because a Muslim marriage is governed by Muslim law and under Article 76 (2) of the Constitution, Parliament is not empowered to make laws in respect of any matters of Muslim law except as provided therein.

The cardinal theme of this Bill is to clothe every non-Muslim marriage with a monogamous garb or gown, that is to say one wife at a time or one husband at a time. Though it is cynically said you can have as many wives as you want under monogamy provided you have one wife at a time, it is also true, Mr Speaker, that under monogamy this right is mutually extended to the women. Monogamy therefore appeals to most modern women as a basic right in their battle for equality.

The present position of non-Muslim marriages in Malaysia is sharply disparate or different and indeed sometimes conflicting.

Of the non-Muslims in this country the significant religious groups are the Christians, the Buddhists, the Hindus and the Sikhs. There are other groups which are religious or secular in their concept relating to marriage. But these groups are so small to merit individual considerations. However, for the purpose of this Bill they are to be reckoned as non-Muslims for convenience of definition and treatment.

A marriage in our country, as elsewhere, may be solemnised in one of three forms, namely sacramental, contractual or legal. If it is sacramental, it is totally valid in the eyes of the religion but need not necessarily be so in the eyes of the law. If it is contractual, it may be totally valid in the eyes of the society or segment of it but need not necessarily be so in the eyes of the religion or the law. If it is legal, it is totally valid in the eyes of the law but need not necessarily be so in the eyes of the religion.

The character of Christian marriage in this country is both sacramental and legal. Its sacramental form is recognised by the Christian Marriage Ordinance, 1956. Its legal validity is expressly recognised by Section 3 of the Civil Marriage Ordinance, 1952. By reason of this recognition it assumes monogamous status under Section 4 of that Ordinance.

But this is not so in the case of Buddhist, Hindu or Sikh marriages—not “Sick” but “Sikh” marriages. There is no separate law, as in the case of Christians, governing the sacramental forms of these religious groups or the legal status of their marriages.

Whereas special recognition was given to Christian marriages in their sacramental forms and legal status by the British during their rule, similar recognition was not accorded to the Buddhists, Hindus or Sikhs. This was probably due to the fact that there was no pressure for such recognition from Buddhists, Hindus or Sikhs during the foreign rule. Though the Buddhist, Hindu or Sikh marriages are legally recognised as marriages for limited purposes under various laws relating to inheritance, succession, custody of children, maintenance of married women and children, they are not recognised for the purposes of matrimonial reliefs by the Divorce Ordinance, 1952.

The main reason for the non-recognition of Buddhist, Hindu and Sikh marriages by the Divorce Ordinance, 1952 is that these marriages are potentially polygamous, though by and large they may not be actually so. Dissolution of marriage is considered incompatible with polygamy which permits more than one wife at a time. For the provisions of the Divorce Ordinance 1952 to be applicable, a marriage has to be monogamous in status. The court therefore is unable to provide the Divorce Ordinance

1952 unless a marriage is monogamous and the parties to the marriage are domiciled in the Federation.

Being potentially polygamous the Buddhist, Hindu and Sikh marriages are outside the ambit of the court for matrimonial reliefs.

The Buddhists, Hindus or Sikhs have, however, the option to go through a legal or civil form of marriage under the Civil Marriage Ordinance 1952, in which case their marriages will be deemed to be monogamous. In practice, however, very few of them voluntarily submit to civil marriages and hence they remain potentially polygamous.

For the purpose of establishing legal evidence of a marriage the Buddhists, Hindus and Sikhs can have their marriages registered under the Registration of Marriages Ordinance, 1952. The effect of the registration of a marriage under this Ordinance is merely to establish legal evidence of marriage and not to grant monogamous status to the marriage. This, again, is optional and in practice not many take advantage of it. It is to be noted that this law is not applicable to Christians or Muslims.

The Hindus and Sikhs of Malaysia adopt the law of custom or usage as prevalent in India before 1955 in solemnising their marriages which are still potentially polygamous. In 1955 the Indian Parliament passed the Hindu Marriage Act, which attributes monogamous status to marriages of Hindus, Buddhists, Jaina or Sikhs. It is significant to note that the Hindu Marriage Act in India does not apply to Muslims in India as the Muslim marriages in India are governed by the Muslim law, as in our country.

On the other hand, Hindus of Ceylonese origin have adopted monogamy in Ceylon and have been traditionally observing it in this country without a separate law governing their marriages.

In the case of Buddhists of Chinese origin in Malaysia, they are still adopting the marriage custom or usage of China as prevalent in that country before the War. Like the Hindu custom, the Chinese custom too makes the Chinese Buddhist marriages potentially polygamous. The People's

Republic of China, however, promulgated on April 30, 1950 the Marriage Law which had introduced monogamy to the "New-Democratic marriages system" in China.

Thus, monogamy had been introduced in China 25 years ago and in India 20 years ago. It cannot, therefore, be said that we in Malaysia are radical or leaping into the future in providing monogamy to non-Muslim marriages through this Bill.

The Buddhists, Hindus and Sikhs have long been living under a legal vacuum without proper and adequate matrimonial reliefs. Once married they are not able to have their marriage dissolved by the court, even if it has hopelessly broken down. They are not able to have a decree of nullity of judicial separation when there are justifiable grounds for such reliefs. It is not uncommon for parties to enter into a separation agreement which is in law not valid. Sometimes a party unilaterally publishes in a newspaper announcing his or her declaration of divorce from the other spouse which again is not valid. It is no doubt gravely unsatisfactory to leave the potentially polygamous marriages without the normal matrimonial reliefs.

This situation cannot be remedied unless a separate matrimonial law is passed for every non-Muslim religious group and its marriage is made monogamous. But to pass a separate monogamous law for every religious group would be very cumbersome and inconvenient. This Bill therefore seeks to provide a uniform law for non-Muslims as a whole with very few modifications as may be necessary for separate religious groups.

The Bill is not the work of hurried contemplation or production. It is not introduced by the Government of its own accord. In fact it has taken a long gestation period to have its birth in the Parliament. To be precise it has taken five years and 8 months to have its second reading today—not nine months.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Is this a birth before marriage? (*Ketawa*)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: It has had a very long gestation, Mr Speaker, Sir.

The Bill reflects the overwhelming wishes of non-Muslims for matrimonial reforms in the country. Their wishes have been care-

fully considered and weighed by two bodies from early 1970 to the end of 1974. The first comprehensive study of the need for matrimonial law reform was made by the Royal Commission on non-Muslim Marriage and Divorce Laws under the able chairmanship of Tan Sri Ong Hock Thye, the then Chief Justice of Malaya. This Royal Commission was appointed in February 1970 and it had admirably completed its report in 1971. The Commission prepared a comprehensive and up-to-date Bill known as the Law Reform (Marriage and Divorce) Bill, 1972 and with a slight modification to Clause 3 of the Bill it was introduced for the first reading in Dewan Rakyat on 4th December 1972. The Bill then appeared in the Gazette on 23rd April 1973 in its original form.

In response to the views stated on the Bill, the Dewan Negara and the Dewan Rakyat appointed in May 1973 a Joint Select Committee of both Houses to consider the Bill. Significantly, this was the first Joint Select Committee of the Parliament to consider any Bill in the history of this country. The Joint Select Committee under my Chairmanship extensively visited most of the State capitals including those of Sabah and Sarawak and heard detailed views of the non-Muslims on the Bill. It had its final meeting on the 10th of June 1974 to complete its report and recommendations for the amendment of the Bill.

On 2nd July 1974 the Cabinet approved the report and the draft Bill of the Joint Select Committee. The Parliament, however, was dissolved on 31st July, 1974 before the Joint Select Committee could table its report and recommendations to the Dewan Negara and the Dewan Rakyat. With the dissolution, the Bill lapsed again under Standing Order 63 (a) of Dewan Rakyat.

Though the recommendations of the Joint Select Committee are set out in the Explanatory Statement to the Bill, I would run through the main features of the Bill for the benefit of this House.

The law is applicable to entire Malaysia but it may come into force on different dates in West Malaysia, Sabah and Sarawak.

Under Clause 3, the law will apply to all persons in Malaysia and to all persons domiciled in Malaysia except Muslims and

any person married under Muslim law, native of East Malaysia or aborigine of West Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apakala sampai Clause 3 menyentuh orang-orang Islam dan juga Bumiputra di Sabah dan Sarawak dan orang-orang Asli di Malaysia Barat, saya terpaksa menerangkan sedikit di dalam Bahasa Kebangsaan.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini berbeza dengan draft undang-undang yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Di Raja pada satu perkara yang penting, iaitu Fasal 3 (2) daripada draft undang-undang Suruhanjaya Di Raja asal yang berbunyi begini :

“3 (2) This Act shall not apply to any person who is married under Muslim law :

Provided that any person, being originally a non-Muslim to whom the provisions of sections 5, 6, 7 and 8 of this Act apply, shall continue, notwithstanding the conversion of such person to Islam, to be subject to all the provisions of this Act.”

Fasal ini, Tuan Yang di-Pertua, telah dederaf semula oleh Jawatankuasa yang saya sendiri ketua dan berbunyi seperti berikut :

“3 (3) This Act shall not apply to Muslims or to any person who is married under Muslim Law; and no marriage of one of the parties which professes the religion of Islam shall be solemnised or registered under this Act.”

Suruhanjaya Di Raja dalam satu Jadual kepada lapurannya telah memberi sebab-sebab mengapa syarat dan perbekalan dalam Fasal 101 Rang Undang-undang asal itu yang ada itu dikemukakan. Syarat yang terdapat di Fasal Kecil (2) daripada Fasal 3 dipakai kepada orang-orang yang masuk Islam. Fasal ini bertujuan mencegah suami yang bukan Islam melepaskan tanggungjawabnya dari segi undang-undang menukarkan ugamanya kepada Islam.

Demikian pula Fasal 101 telah diperbekalkan bagi membolehkan seorang Islam yang akan berkahwin dengan seorang perempuan yang bukan Islam menyerahkan hak berkahwin poligami oleh kerana ada permintaan dari isteri itu dan dengan relanya dia bersetuju dikahwini secara perkahwinan civil tertakluk kepada undang-undang ini.

Suruhanjaya itu telah menyatakan bahawa ianya telah mengambil perhatian Fasal-fasal 3 dan 8 Perlembagaan Persekutuan dan juga tidak mengeneipkan perbekalan di dalam Fasal-fasal 74 dan 76 ketika mengemukakan perbekalan itu.

Syor-syor Suruhanjaya Di Raja ini nyata menyentuh hukum syarak dan akan melibat orang-orang Islam. Meskipun cadangan itu bertujuan baik, Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal yang disyorkan itu bermakna meminda hukum syarak sebagaimana dianuti di Malaysia ini. Dengan demikian, perubahan ini tidak dapat dilakukan oleh kuasa undang-undang Persekutuan.

Kemasukan Fasal ini ditentang kuat oleh orang-orang Islam negeri ini dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Uagama Islam. Dengan sebab ini, Jawatankuasa bersetuju dan berpendapat bahawa Fasal 3 (2) seperti mana yang diperbekalkan di dalam Undang-undang itu hendaklah dikekalkan.

Berhubung dengan ini Jawatankuasa ini mengkaji se dalam-dalamnya masalah seorang isteri dan anak yang ditinggal oleh suaminya yang telah memeluk agama Islam sedangkan isteri dan anak mereka tidak mengikut suaminya menjadi Islam. Perkara ini, saya rasa tidak banyak, sebab ke banyakan orang-orang yang bukan Islam apabila memeluk agama Islam membawa keluarganya kesemua, tetapi boleh jadi ada dalam seratus cuma satu dua yang meninggalkan isteri dan anaknya.

Telah dicadangkan supaya satu perbekalan patutlah dibuat di dalam Rang Undang-undang ini bagi membolehkan isteri itu membuat permohonan mendapatkan perintah mahkamah bagi menyara anak-anaknya atau membuat permohonan bagi membatalkan perkahwinannya dengan sebab suaminya telah menukar agama dan menjadi seorang Islam. Kalau tidak apa akan jadi kepada isteri yang ditinggalkan oleh seorang suami yang masuk Islam, kerana kalau tidak dapat perceraian isterinya tidak boleh berkahwin, kerana kalau berkahwin pula boleh dituduh sebagai bigamy. Ini satu perkara kita ada peruntukan di dalam Undang-undang sekiranya dalam tiga bulan, beri masaalah, suami telah masuk Islam. Dalam tiga bulan suami selalu cuba memujuk isterinya masuk Islam, tetapi kalau selepas tiga bulan barulah di dalam undang-undang itu kita benarkan isteri itu memohon daripada mahkamah civil

menyatakan dia minta cerai, tidak tahan lagi, kerana suami sudah tinggalkan dan berhak-lah rasanya dia dan anak-anaknya, kalau ada yang tidak mengikut bapanya masuk Islam akan dikenakan menanggung anak-anaknya itu walaupun anak-anaknya itu bukan Islam. Itu sebagai tanggungan dari segi kemanusiaan dan lain-lain. Jadi tidak boleh dilepaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung pada hari esok. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Rabu 5hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.